

AKAUN DAN PERKHIDMATAN - TERMA DAN SYARAT UMUM

Terma dan syarat berikut mengawal akaun semasa dan akaun deposit OCBC AI-Amin Bank Berhad dan perkhidmatan yang dinyatakan di bawah.

Terma dan syarat berkuat kuasa dari 17 April 2023.

BAHAGIAN 1 – TERMA DAN SYARAT AM

Bahagian 1 diguna pakai bagi Akaun dan Perkhidmatan melainkan dinyatakan sebaliknya.

1.1 DEFINISI

- (a) "Akaun" bermaksud akaun deposit atau akaun semasa Pelanggan dengan Bank. Borang pembukaan akaun yang berkaitan akan menyatakan sama ada Akaun dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).
- (b) "ATM" bermaksud mesin teler automatik Bank dan boleh termasuk ATM lain.
- (c) "Pegguna yang Dibenarkan" bermaksud orang atau orang-orang yang pada masa ini diberi kuasa secara bertulis oleh Pelanggan untuk menyenggarakan mana-mana atau semua Akaun dan/atau menggunakan Perkhidmatan.
- (d) "Bank" bermaksud OCBC AI-Amin Bank Berhad dan termasuk juga pengganti hak milik dan pemegang serahhak.
- (e) "Hari pemiagaan" bermaksud hari yang Bank dan cawangannya dibuka untuk urusan pemiagaan.
- (f) "Kad" bermaksud kad, termasuk kad Debit-i, atau peranti/token elektronik atau berkomputer yang dikeluarkan kepada Pelanggan dan jika dibenarkan oleh Bank, kepada Pegguna yang Dibenarkan.
- (g) "Pelanggan" bermaksud orang yang menjadi pelanggan kepada Bank dan pengganti hak miliknya.
- (h) "Terminal Elektronik" bermaksud mesin elektronik atau terminal yang disediakan oleh Bank dan termasuk juga ATM, Mesin Deposit Segera, ATM Tunai Masuk.
- (i) "Perkhidmatan Elektronik" bermaksud perkhidmatan elektronik seperti yang dijelaskan dalam Bahagian 3A dan 3B dan termasuk apa-apa perkhidmatan elektronik, telemetrik, digital, visual, video, atau perkhidmatan baharu lain yang disediakan dari semasa ke semasa.
- (j) "Force Majeure" bermaksud apa-apa sebab yang di luar kawalan munasabah Bank, termasuk dan tidak terhad kepada, kegagalan atau gangguan kepada mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemrosesan data atau talian penghantaran, sistem komunikasi atau utiliti, sabotaj, kebakaran, banjir, tanah runtuh, gempa bumi, epidemik, malapetaka alam, kemalangan, letupan, bencana alam, mogok, kekecohan awam, megek, pertikaian industri, sekatan/kawalan pergerakan, rusuhan, gangguan awam, embargo, tindakan musuh awam/keganasan atau peperangan atau sebarang sekatan kawalan kewangan atau pertukaran.
- (k) "PIN" bermaksud nombor pengenalan peribadi untuk menggunakan ATM dan "TPIN" merupakan nombor pengenalan peribadi Pelanggan bagi kegunaan melalui telefon atau sebarang cara elektronik yang lain.
- (l) "Kod Keselamatan" bermaksud kod keselamatan (termasuk Kad, apa-apa kata laluan, PIN, TPIN, nama pengguna, cip dan/atau strip elektronik terenkod, atau sijil digital) untuk

- menyenggarakan Akaun dan mengakses Perkhidmatan Elektronik.
- (m) "Perkhidmatan" bermaksud perkhidmatan dan Perkhidmatan Elektronik dan termasuk apa-apa perkhidmatan tambahan lain atau perkhidmatan baru yang disediakan oleh Bank.
 - (n) "Terma & Syarat" bermaksud terma dan syarat ini dan hendaklah termasuk apa-apa perubahan, perubahan dan tambahan yang dibuat padanya oleh Bank.
 - (o) "Harga Belian Pelanggan" bermaksud jumlah pokok atau jumlah deposit.
 - (p) "Harga Belian Bank" bermaksud jumlah pokok atau jumlah deposit serta keuntungan.

1.2 PENTAFSIRAN

- (a) Perkataan yang bermaksud tunggal hendaklah termasuk juga jamak dan sebaliknya. Perkataan yang bermaksud jantina lelaki hendaklah juga termasuk wanita dan jantina neuter dan sebaliknya.
- (b) Rujukan kepada masa sesuatu hari itu hendaklah ditafsirkan sebagai masa di Malaysia.
- (c) Apa-apa rujukan terhadap peruntukan apa-apa perundangan atau status termasuk juga apa-apa perubahan statutori atau penggubalan semula padanya.
- (d) Di mana ada dua atau lebih orang yang terkandung dalam terma "Pelanggan":
 - (i) Semua arahan, perjanjian dan obligasi hendaklah dianggap telah dikeluarkan atau mengikat individu tersebut secara bersama atau berasingan dan Bank boleh mengambil tindakan terhadap notis atau arahan tersebut tanpa pertanyaan; dan
 - (ii) Apa-apa notis yang diberikan oleh Bank kepada mana-mana satu orang tersebut adalah notis yang mencukupi kepada semua pemegang akaun.
- (e) Sekiranya Pelanggan telah melantik Pengguna yang Dibenarkan atau Pengguna-Pengguna yang Dibenarkan, semua rujukan untuk maksud "Pelanggan" hendaklah juga merujuk kepada Pengguna yang Dibenarkan atau Pengguna-Pengguna yang Dibenarkan.

2. PEMBUKAAN AKAUN DAN LANGGANAN PERKHIDMATAN

- 2.1 Akaun dan Perkhidmatan hendaklah dibekalkan kepada orang perseorangan, pemilik tunggal, perkongsian, perkongsian liabiliti terhad, syarikat, masyarakat, badan statutori dan entiti seumpamanya yang permohonannya bagi Akaun dan/ atau Perkhidmatan diterima oleh Bank.
- 2.2 Pemohon hendaklah melengkapkan borang permohonan dan menyertakan dokumen sokongan yang diperlukan oleh Bank. Bank boleh menolak permohonan. Bank boleh menjalankan pemeriksaan kredit, mengumpul dan mengesahkan maklumat yang diberi Pelanggan dengan pendaftar berkaitan, biro kredit dan agensi pelaporan kredit. Pelanggan bersetuju dengan pendedahan daripada agensi pelaporan kredit terhadap laporan kredit dan maklumat kepada Bank untuk tujuan permohonan Akaun dan Perkhidmatan dan untuk pengurusan risiko dan kajian semula. Bank boleh tetapi tidak berkewajipan untuk menyampaikan persetujuan Pelanggan dan tujuan pendedahan kepada agensi pelaporan kredit.
- 2.3 Pelanggan yang beragama Islam bertanggungjawab untuk memastikan bahawa kelakuan akaun mereka adalah selaras dengan prinsip-prinsip Syariah.

3. ARAHAN DAN NOTIS DARIPADA PELANGGAN

- 3.1 Semua notis yang diberikan oleh Pelanggan kepada Bank mesti dihantar kepada cawangan Akaun itu dibuka/disenggarakan. Notis tersebut dianggap diterima apabila Bank memperakui penerimaan notis tersebut.
- 3.2 Bank boleh bergantung pada dan bertindak atas arahan Pelanggan, sama ada disampaikan melalui telefon, pos, penghantaran faksimile, atau cara elektronik yang lain. Bank hanya akan menjalankan arahan mengikut amalan perniagaan, prosedur dan polisi yang biasa dan telah ditetapkan dan boleh menolak sebarang arahan tanpa liabiliti ke atas pelanggan.
- 3.3 Arahan bagi mengubah mandat akan dilakukan oleh Bank sekurang-kurangnya tiga (3) Hari Perniagaan (atau sebarang tempoh waktu wajar yang ditetapkan Bank dan dimaklumkan kepada Pelanggan) selepas penerimaan arahan.
- 3.4 Bank boleh merekod semua perbualan telefon, urusan niaga Islam dan arahan dan boleh menggunakan rekod-rekod dan transkrip sebagai bahan bukti sekiranya berlaku sebarang percanggahan.
- 3.5 Pelanggan mengaku janji untuk memastikan pematuhan semua Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing (FEA) yang terpakai pada setiap masa dan bagi semua transaksi yang dilakukan untuk Akaun yang dipegang bersama Bank.

4. NOTIS DARIPADA BANK

- 4.1 Atas budi bicara mutlak Bank, Bank boleh memberikan apa-apa komunikasi atau notis kepada Pelanggan melalui cara pos, pemberitahuan melalui media massa, dengan mengespos notis itu ke cawangan Bank, dengan memasukkan notis itu ke dalam penyata akaun berkala, melalui pindahan elektronik (termasuk melalui faksimile, telefon bimbit, peranti lain atau Internet) atau dengan menghantarnya ke laman web Bank atau di ATM atau terminal lain di bawah kawalan Bank.
- 4.2 Notis atau komunikasi sedemikian daripada Bank:-
 - (a) Sekiranya dihantar melalui pos atau penghantar surat atau kurier yang dialamatkan kepada Pelanggan mengikut alamat yang didaftarkan dengan Bank hendaklah dianggap sebagai telah dihantar:
 - (i) dalam tempoh (3) tiga hari selepas dihantar sekiranya dihantar dalam Malaysia dan dalam tempoh (5) lima hari selepas dihantar sekiranya dihantar ke luar Malaysia; atau
 - (ii) diserahkan kepada hari yang sama di alamat Pelanggan seperti yang didaftarkan dengan Bank sekiranya melalui perkhidmatan kurier; atau
 - (b) Sekiranya dihantar melalui nombor faksimile, nombor telefon/peranti mudah alih, e-mel pelanggan yang didaftarkan dengan Bank, hendaklah dianggap sebagai telah dihantar kepada Pelanggan sebaik sahaja selepas penghantaran; atau
 - (c) Sekiranya dipaparkan di cawangan, di laman web Bank atau media massa, pemberitahuan tersebut hendaklah dianggap sebagai telah dibuat pada tarikh yang dinyatakan dalam notis dan sekiranya tiada tarikh dinyatakan, ia dianggap sebagai telah dihantar pada tarikh paparan atau penerbitan.

5. DEPOSIT DAN PENGELUARAN WANG

- 5.1 Simpanan dan pengeluaran wang mesti dibuat seperti cara yang ditetapkan oleh Bank, termasuklah atas simpanan minimum, pengeluaran wang dan baki minimum yang perlu ada dalam Akaun. Pengeluaran wang mesti dibayar secara tunai, cek/ draf pemilik bank dan/ atau kiriman dalam sebarang bentuk lain.

- 5.2 Pelanggan hendaklah memastikan bahawa butiran urus niaga tersebut (apabila butiran dipaparkan pada Pelanggan bagi melengkapkan urus niaga) adalah betul. Sekiranya terdapat sebarang kesilapan, pelanggan hendaklah melaporkannya dengan segera kepada Bank.
- 5.3 Dalam kes pemindahan bertelegraf/mel/elektronik dalam mata wang asing masuk ke dalam Akaun, Bank berhak untuk menentukan kadar pertukaran mata wang asing kepada Ringgit Malaysia.
- 5.4 Apabila Pelanggan menggunakan pos (termasuklah sampul surat berbayar) atau perkhidmatan kurier untuk menghantar sebarang cek atau dokumen pada Bank, Pelanggan bertanggungjawab ke atas risiko kerugian atau kelewatannya.
- 5.5 Cek luar, wang dan kiriman pos boleh diterima sebagai kutipan tetapi hasilnya hanya akan dikreditkan atau dikeluarkan daripada Akaun, setelah bayaran diterima oleh Bank, melainkan Pelanggan telah mengaturnya lebih awal dengan Bank. Bank berhak untuk tidak menerima cek kutipan atau apa-apa surat cara kewangan lain yang pada pandangan pihak Bank adalah luar biasa dalam apa-apa cara sekali pun atau yang mungkin diubah dalam apa-apa cara walaupun perubahan-perubahan atau salah aturan itu telah ditandatangani balas oleh penyuruh bayar. Bank juga berhak untuk membayar balik apa-apa wang yang bukan diniatkan untuk Akaun itu.
- 5.6 Pelanggan mestilah menyimpan semua buku cek/helaian cek dengan selamat. Pelanggan hendaklah memaklumkan kepada Bank dengan segera apabila Pelanggan menyedari bahawa mana-mana yang tersebut di atas didapati hilang atau digunakan tanpa kebenaran. Bank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian akibat pengeluaran wang yang tidak sah atau palsu daripada Akaun atau akibat kecuaiannya Pelanggan.
- 5.7 Cek dan instrumen boleh niaga yang tidak laku akan dikembalikan melalui pos kepada Pelanggan atas risiko dan perbelanjaan Pelanggan.
- 5.8 Bank boleh menolak apa-apa simpanan atau membenarkan apa-apa pengeluaran wang sekiranya berlaku kerosakan atau kegagalan sistem dalam talian yang menjejaskan mana-mana cawangan-cawangan Bank.

6. HAD URUSNIAGA

- 6.1 Semua pengeluaran wang tunai antara cawangan hanya boleh dibuat di cawangan-cawangan Bank di Malaysia tertakluk pada syarat tersebut seperti yang Bank maklumkan kepada Pelanggan.
- 6.2 Bank boleh meletakkan apa-apa had ke atas penggunaan atau operasi sebarang Perkhidmatan atau Akaun. Pelanggan boleh mengubah had urus niaga yang dilakukan itu dengan memberi notis kepada Bank. Bank tidak terikat untuk memastikan bahawa pelanggan tidak melebihi had tersebut.

7. DANA YANG MENCUKUPI

Pelanggan hendaklah memastikan adanya dana yang mencukupi dan jelas di dalam Akaun untuk melaksanakan urus niaga Pelanggan melainkan Pelanggan telah mengaturnya lebih awal dengan Bank.

8. PEMEGANG AKAUN BERSAMA

- 8.1 Pemegang akaun bersama adalah secara bersama berhak terhadap apa-apa deposit, pelaburan atau baki kredit dalam Akaun. Setiap pemegang akaun bersesama memberi kuasa kepada Bank untuk mengumpul dan memberi kredit kepada akaun bersesama apa-apa cek yang boleh dibayar kepada salah satu pemegang akaun bersesama atau kepada dua atau

lebih secara bersesama. Bank tidak perlu melibatkan diri dalam permohonan dana tersebut.

- 8.2 Sebaik sahaja menerima notis kematian mana-mana orang atau lebih pemegang akaun bersama, Bank adalah berhak untuk membayar deposit, baki kredit atau pelaburan, mengikut mana yang berkenaan, kepada pemegang akaun yang masih hidup dan sekiranya terdapat lebih daripada seorang. Bank diberi kuasa untuk menolak selesai keterhutangan mana-mana pemegang akaun bersama di bawah mana-mana akaun dengan Bank, setelah memberi notis awal 7 hari kalendar kepada pemegang akaun yang tinggal. Bank boleh membenarkan pemegang akaun yang masih hidup untuk meneruskan pengendalian Akaun tertakluk kepada terma dan syarat.
- 8.3 Semua arahan berkaitan dengan Akaun hendaklah diberi secara bertulis (atau dengan apa-apa cara yang dibenarkan oleh Bank) oleh semua pemegang akaun bersama, atau seperti yang diarahkan secara bertulis oleh semua pemegang akaun bersama. Semua pemegang akaun bersama hendaklah secara bersesama dan berasingan bertanggungjawab terhadap semua urusan niaga yang timbul daripada arahan tersebut. Sekiranya Bank menerima arahan yang bercanggah, sama ada daripada salah seorang atau orang-orang yang dibenarkan, Bank boleh memilih untuk bertindak atas mandat daripada semua pemegang akaun bersama.

9. AKAUN PERKONGSIAN YANG TIDAK DIPERBADANKAN

Sekiranya Pelanggan adalah rakan kongsi yang tidak diperbadankan, semua rakan kongsi hendaklah secara bersesama atau berasingan bertanggungjawab dan bertanggungjawab kepada Bank atas semua wang dan liabiliti yang ditanggung oleh semua atau salah seorang daripada rakan kongsi kepada Bank. Apabila mana-mana rakan kongsi berhenti daripada menjadi ahli firma perkongsian melalui kematian, kebangkrutan atau persaraan atau selainnya, Bank boleh memperlakukan rakan kongsi yang masih hidup dan berterusan sebagai mempunyai kuasa sepenuhnya untuk menyenggarakan Akaun dan menggunakan Perkhidmatan. Bank tidak akan bertanggungjawab daripada penerimaan apa-apa arahan yang diberikan oleh rakan kongsi yang tinggal.

10. KEUNTUNGAN

Sekiranya terdapat keuntungan, keuntungan akan dibayar oleh Bank pada kekerapan dan kadar yang ditentukan oleh Bank. Keuntungan atas deposit tetap-i/deposit bermasa-i hendaklah terhenti pada tarikh akhir. Tiada keuntungan perlu dibayar oleh Bank berhubung dengan perkara belum bayar dan Bank berhak menyelaraskan apa-apa keuntungan yang terakru atau dikreditkan berhubung dengan perkara ini.

11. YURAN, CAJ DAN CUKAI

11.1 Bank adalah berhak untuk mengenakan atau memotong daripada Akaun yang berikut:-

- (a) kos, yuran, caj bank, caj perkhidmatan, komisen, duti setem ke atas urusan niaga yang dilakukan dan untuk Perkhidmatan mengikut kadar yang diguna pakai dari semasa ke semasa;
- (b) apa-apa cukai nilai tambah, cukai barang-barang dan perkhidmatan, cukai pegangan atau cukai lain, levi atau caj apa-apa pun yang dikenakan atau untuk apa-apa urusan niaga atau Perkhidmatan atau atas apa-apa jumlah atau keuntungan yang perlu dibayar kepada Pelanggan; dan
- (c) Apa-apa yuran guaman dan kos (berdasarkan peguam cara dan klien) yang dikenakan oleh Bank bagi mana-mana interplider, pemulihan atau apa-apa prosiding dan imdemniti lain yang diberikan kepada Bank.

Sekiranya potongan tidak dapat dibuat, jumlah tersebut dengan caj di atasnya pada kadar yang ditentukan oleh Bank (dikira dari tarikh jumlah tersebut dibelanjakan oleh Bank) hendaklah dibayar kepada Bank atas permintaan.

- 11.2 Yuran dan caj boleh didapati daripada cawangan Bank, laman web atau apa-apa saluran penyampaian Bank yang lain. Bank berhak untuk mengubah yuran dan caj tersebut tanpa memberikan notis terlebih dahulu.

12. PENUTUPAN AKAUN DAN PENGGANTUNGAN/ PENAMATAN PERKHIDMATAN

- 12.1 Akaun Dorman: Sekiranya tiada urusan niaga dibuat ke atas apa-apa Akaun dalam tempoh masa yang dinyatakan oleh Bank, Bank boleh menganggapnya sebagai Akaun dorman dan boleh mengenakan caj atau yuran ke atas Akaun itu dan menutup Akaun itu dengan memberikan notis awal kepada Pelanggan. Sekiranya baki kredit dalam Akaun dikirim kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut menurut Akta Wang Tak Dituntut 1965 atau apa-apa statutori yang dipinda padanya, Akaun itu kemudiannya akan ditutup.
- 12.2 Bank boleh menutup mana-mana Akaun atau menamatkan Perkhidmatan atau sepenuhnya atau sebahagiannya menggantung penggunaan mana-mana Akaun atau Perkhidmatan:-
- (a) sekiranya berlaku tidak patuh Syariah;
 - (b) Jika Bank mempercayai atau mengesyaki bahawa terdapat pelanggaran Klausula 22A.2 atau 22A.3; atau apabila Bank mempercayai atau mengesyaki bahawa Akaun atau Perkhidmatan sedang diakses atau digunakan di/dari Negara Disekat (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 22A.1);
 - (c) jika Bank mempercayai atau mengesyaki bahawa Akaun digunakan untuk pelaburan wang haram atau skim lain yang palsu atau haram atau melanggar mana-mana garis panduan atau peraturan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa yang lain;
 - (d) sekiranya bank dengan niat baik meragui kesahihan atau kebenaran mana-mana arahan;
 - (e) sekiranya terdapat perubahan pada nama, perlembagaan, komposisi atau pembubaran Pelanggan akibat daripada persaraan, perletakan jawatan, ketakupayaan, kebangkrutan, pembubaran, ketidakmampuan bayar atau selainnya; atau
 - (f) sekiranya terdapat percanggahan berhubung dengan mana-mana Akaun.
- 12.3 Pelanggan boleh menamatkan Akaun atau menggantung atau menamatkan penggunaan apa-apa Perkhidmatan dengan memberikan notis bertulis kepada Bank. Untuk Pelanggan korporat, tempoh notis untuk menamatkan Akaun atau penggunaan mana-mana Perkhidmatan hendaklah sekurang-kurangnya 30 hari. Bank boleh menutup Akaun atau menggantung atau menamatkan mana-mana atau kesemua Perkhidmatan dengan memberi notis kepada Pelanggan. Apabila Akaun ditutup, semua buku cek, helaian cek yang tidak digunakan hendaklah dipulangkan kepada Bank.
- 12.4 Bank boleh meletakkan caj perkhidmatan jika mana-mana Akaun ditutup dalam masa tiga bulan (atau bagi tempoh yang ditetapkan oleh Bank) dari tarikh Akaun berkenaan dibuka.
- 12.5 Tanggungjawab Bank berhubung mana-mana baki kredit dalam Akaun hendaklah dilepaskan dengan menghantarnya kepada pelanggan pada alamat akhir yang didaftarkan dengan Bank, cek/draf pemilik bank bagi baki kredit atas nama Pelanggan.

13. PENYATA ATAU REKOD AKAUN

- 13.1 Bagi akaun berasaskan penyata, penyata akan diberikan sebulan sekali atau pada sela masa

tertentu seperti yang ditetapkan oleh Bank. Bank akan menghantar penyata akaun bagi setiap Akaun atau menghantar penyata bergabung bagi semua Akaun. Gabungan jenis akaun dalam penyata ini adalah tertakluk kepada perubahan.

- 13.2 Rekod Bank bagi urus niaga Akaun itu adalah terakhir dan muktamad dan mengikat Pelanggan bagi semua tujuan jika tiada kesilapan yang nyata. Urus niaga yang tidak disahkan oleh Bank tidak akan muncul dalam penyata dan adalah tidak muktamad bagi kedudukan Akaun itu.
- 13.3 Pelanggan hendaklah mengesahkan semua masukan dalam apa-apa penyata atau rekod yang dikeluarkan oleh Bank dan memaklumkan kepada Bank secara bertulis (atau cara lain yang dibenarkan oleh Bank) bagi apa-apa kesilapan atau selisih dalam penyata atau rekod dalam tempoh 14 hari (atau dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Bank) dari tarikh penyata atau rekod itu. Sekiranya Bank tidak menerima apa-apa pemberitahuan dalam tempoh masa yang ditetapkan itu, catatan di dalam penyata atau rekod tersebut hendaklah dianggap sebagai betul, muktamad, dan mengikat terhadap Pelanggan. Bank berhak untuk membalikkan apa-apa catatan yang salah atau silap walaupun catatan tersebut diterima oleh Pelanggan.
- 13.4. Jika Pelanggan mencanggahi apa-apa masukan dalam tempoh yang ditetapkan, tertakluk kepada klausa 5.3 dalam Bahagian 3A Terma dan Syarat ini, Bank akan menyemak Akaun berkaitan untuk membuat pelarasan dan pembetulan yang sepatutnya jika ada.
- 13.5 Semua transaksi akan disiasat dan jika didapati palsu, ianya akan ditolak. Pembayaran yang telah dibuat hendaklah dikembalikan kepada Bank. Semua perbelanjaan yang berkaitan dengan siasatan dan dalam memulihkan pembayaran akan ditanggung oleh pembuat tuntutan palsu. Laporan polis akan dibuat terhadap semua tuntutan palsu.

14. AKAUN GANTUNG

Jika Pelanggan berhutang dengan Bank di bawah mana-mana Akaun, Bank boleh mengkredit wang yang diterima atau diganti daripada Pelanggan kepada kredit bagi akaun berasingan bagi mengekalkan tanggungjawab Pelanggan dalam prosiding undang-undang atau bagi membuktikan kebankrapan atau pembubarannya.

15. TOLAK SELESAI DAN PENYATUAN

Bank, dengan memberi notis awal 7 hari kalendar, boleh menggabungkan atau menyatukan semua atau apa-apa Akaun dan menolak selesai atau memindahkan apa-apa jumlah kredit yang tersedia bagi apa-apa Akaun sedemikian termasuklah akaun bersama dalam atau untuk menjelaskan semua jumlah wang yang berhutang kepada Bank oleh Pelanggan. Sekiranya jumlah adalah dalam mata wang yang berbeza, Bank boleh membuat pertukaran yang diperlukan pada kadar pertukaran yang diguna pakai oleh Bank. Bank, dengan notis awal 7 hari kalendar, boleh memindahkan baki kredit dalam mana-mana Akaun bagi menjelaskan semua atau apa-apa jumlah di bawah mana-mana akaun Pelanggan dengan mana-mana ahli Kumpulan OCBC.

16. PELANGGAN BERTANGGUNGJAWAB ATAS ARAHAN

Pelanggan adalah bertanggungjawab untuk membayar kepada Bank, atas permintaan, terhadap apa-apa tuntutan, prosiding, kerugian, kerosakan dan kos (termasuk kos guaman atas hubungan peguam cara dengan klien sendiri) yang dikenakan dan/atau ditanggung oleh Bank yang timbul daripada penerimaan apa-apa arahan yang diberikan oleh Pelanggan kepada Bank atau sebagai hasil daripada apa-apa tindakan atau tinggalan atau pelanggaran apa-apa Terma dan Syarat ini oleh Pelanggan. Liabiliti oleh Pelanggan adalah liabiliti berterusan dan akan kekal dalam kuat kuasa penuh dan berkuat kuasa sehingga dijelaskan keseluruhannya walaupun hubungan pelanggan – bank ditamatkan.

17. HAD LIABILITI

- 17.1 Bank tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh Pelanggan berhubung dengan item-item yang disimpan di bank sama ada hilang, musnah atau tertangguh semasa proses penjelasan, melainkan jika kerugian berpunca daripada kecuaiannya Bank.
- 17.2 Jika apa-apa kehilangan atau kerugian yang dialami oleh Pelanggan adalah semata-mata disebabkan oleh kesemberonoan, kelalaian sengaja, kecuaiannya atau penipuan oleh Bank, liabiliti tunggal dan menyeluruh Bank (sama ada berkenaan dengan satu atau lebih tuntutan) kepada Pelanggan dalam kontrak atau tort hendaklah tidak boleh melebihi amaun transaksi yang menimbulkan tuntutan atau tuntutan-tuntutan tersebut atau kerosakan langsung yang ditanggung, mengikut mana yang lebih rendah. Dalam apa keadaan pun, Bank tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan perniagaan, kehilangan keuntungan, pendapatan atau nama baik, kehilangan data, kerosakan, liabiliti, tuntutan, kerugian, perbelanjaan, pembayaran, anugerah, penalty/pampasan, prosiding dan kos tidak langsung, berbangkit, khusus atau sampingan tanpa mengira sama ada kemungkinan kerugian atau kerosakan itu telah didedahkan kepada Bank, atau secara munasabahnyanya telah dapat diramalkan oleh Bank.
- 17.3 Setiap peruntukan dalam **Klausula 17** hendaklah ditafsirkan sebagai limitasi berasingan hendaklah kekal berkuat kuasa walaupun Akaun dan Perkhidmatan telah ditamatkan.
- 17.4 **INSENTIF DAN FAEDAH YANG TIMBUL DARIPADA PENAMATAN PERHUBUNGAN BANK DENGAN RAKAN NIAGA**

Apa-apa pengaturannya yang dilakukan oleh Bank dengan rakan niaganya untuk memberikan insentif dan faedah kepada pelanggan Bank, adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh Bank. Pelanggan hendaklah membaca dengan teliti terma dan syarat yang mengawal insentif dan manfaat tersebut dan hanya akan meneruskan sekiranya Pelanggan bersetuju dengan terma dan syarat, termasuk pengecualian tanggungjawab Bank dan rakan niaga terhadap sebarang tuntutan yang timbul akibat kerosakan atau ketidakpuasan daripada penggunaan insentif dan manfaat tersebut.

18. FORCE MAJEURE

- 18.1 Bank adalah tidak bertanggungjawab kepada Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga bagi sebarang kesulitan, kecederaan, bagi apa-apa ketidakselesaan, kecederaan, apa-apa kerosakan, kehilangan untung atau Pendapatan, nama baik jika mana-mana keadaan di bawah berlaku akibat daripada Force Majeure:-
- (a) sekiranya Bank tidak dapat menunaikan mana-mana kewajibannya yang terkandung di dalam ini atau menyediakan mana-mana Perkhidmatan;
 - (b) jika dana yang dikredit atau didebit daripada Akaun menjadi tidak tercapai atau berkurang dari segi nilai.
- 18.2 Sekiranya mata wang yang dinamakan yang Bank mempunyai obligasi untuk membayar tidak lagi dapat diperoleh disebabkan oleh sekatan terhadap kebolehtukaran, pemindahan, pemindahan paksaan, distress walau apa sifat sekalipun atau Force Majeure, Bank hendaklah disifatkan sebagai telah memenuhi obligasi untuk membayarnya dengan membuat bayaran dalam mata wang asing lain itu seperti yang ditetapkan Bank.

19. PENDEDAHAN

- 19.1 Tertakluk kepada arahan nyata Pelanggan (jika ada) yang menghadkan pendedahan, data peribadi Pelanggan, butiran akaun, hubungan dengan Bank dan terma-terma kemudahan ("Maklumat") akan didedahkan kepada orang atau badan kepada mana Bank diperlukan secara undang-undang atau dibenarkan oleh undang-undang untuk mendedahkan atau diluluskan

secara bertulis oleh Bank Negara Malaysia untuk mendedahkan atau pada masa ini atau selepas ini dibenarkan secara bertulis oleh Pelanggan untuk mendedahkan.

19.2 Tanpa mengehadkan Klausula 19.1, Pelanggan bersetuju secara nyata kepada pendedahan Maklumat kepada pihak-pihak dan bagi tujuan yang dibentangkan dalam jadual di bawah:

	Pihak yang boleh didedahkan maklumat kepadanya	Tujuan / keadaan bagi Pendedahan Maklumat
(a)	Pemproses data dan pembekal perkhidmatan Bank, kedua-dua di dalam dan di luar Malaysia	Bagi pelaksanaan perkhidmatan bagi Bank.
(b)	Perbadanan berkaitan dan syarikat bersekutu Bank, kedua-dua di dalam dan di luar Malaysia, penerima hak milik dan pengganti hak milik mereka;	Bagi jualan silang, penambahbaikan perkhidmatan dan penyelidikan pasaran.
(c)	Badan-badan kawalan selia/penguat kuasa undang-undang kedua-dua di dalam dan di luar Malaysia;	Bagi pematuhan undang-undang dan peraturan.
(d)	Pihak ketiga yang ingin menyelesaikan hutang Pelanggan.	Bagi penyelesaian hutang Pelanggan.
(e)	Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation (Malaysia) Berhad dan agensi kerajaan lain yang ditubuhkan untuk memperoleh pinjaman dan menjadi penjamin bagi pinjaman, syarikat insurans gadai janji dan syarikat insurans semula;	Bagi jualan atau cadangan jualan pinjaman atau untuk memperoleh jaminan atau insurans gadai janji atau insurans bagi hartanah (jika ada) yang dicagarkan kepada Bank.
(f)	Pihak ketiga dengan atau melaluinya mana-mana transaksi Akaun atau mana-mana Perkhidmatan diproses dan dilakukan, termasuk tetapi tidak terhad kepada Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn Bhd (MyClear) dan Malaysian Electronic Payment System Sdn Bhd (MEPS) (kini Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet)), mana-mana peniaga;	Bagi pematuhan prosedur yang dikenakan oleh MEPS / MyClear / MasterCard / Visa International atau francais lain, atau untuk penyelesaian, atau rundingan atas mana-mana tuntutan atau pertikaian, dan untuk mengendalikan pertanyaan yang timbul daripada atau berkaitan dengan apa-apa transaksi.
(g)	Peguam, akauntan, syarikat insurans, broker insurans, pakar dalam penipuan, teknologi maklumat dan lain-lain profesional / perunding / pakar untuk memberikan perkhidmatan profesional atau kepakaran kepada Bank berhubung apa-apa hal undang-undang, perakaunan, insurans atau apa-apa hal lain yang memerlukan pengetahuan atau khidmat nasihat profesional atau pakar.	Bagi khidmat nasihat profesional dan rundingan daripada profesional yang dilantik oleh Bank.
(h)	Ejen berkuasa, wasi, pentadbir atau wakil sah Pendeposit atau Pemegang; dan	Bagi tujuan menguruskan hal ehwal Pendeposit atau Pemegang
(i)	Penerima hak milik atau pemeroleh, bakal penerima hak atau pemeroleh dan pengganti hak milik Bank.	Bagi penyusunan semula termasuk pelupusan keseluruhan atau mana-mana bahagian pemiagaan Bank.

19.3 Pelanggan, sekiranya individu ataupun entiti yang tidak diperbadankan

- (a) Mengaku telah membaca Dasar Privasi Bank di laman web Bank yang mana memberitahu Pelanggan bahawa
 - (i) Bank boleh mengumpul data peribadi terus daripada mereka atau daripada sumber pihak ketiga;

- (ii) tujuan data peribadi Pelanggan dikumpul;
 - (iii) hak Pelanggan untuk mengakses data peribadi mereka dan memperbetulkannya;
 - (iv) pihak-pihak ketiga yang mana Bank berkemungkinan akan mendedahkan data peribadi Pelanggan;
 - (v) pilihan-pilihan dan cara-cara untuk mengehendkan proses terhadap data peribadi Pelanggan;
 - (vi) samada data peribadi yang diminta adalah wajib ataupun secara sukarela, dan sekiranya ia adalah wajib, akibat-akibat tidak memberi data tersebut;
 - (vii) Pelanggan boleh mengemaskini data peribadi Pelanggan sebaik sahaja ada perubahan; dan
 - (viii) maklumat hubungan Bank sekiranya Pelanggan berhasrat untuk membuat pertanyaan atau memberi pendapat; dan
- (b) tertakluk kepada arahan jelas Pelanggan (sekiranya ada) untuk mengehendkan pendedahan, bersetuju dengan Bank untuk mendedahkan data peribadi Pelanggan (terhad kepada nama dan maklumat hubungan) kepada organisasi-organisasi dalam kumpulan OCBC (di dalam Malaysia) yang bersekutu dengan Bank, untuk tujuan pemasaran terus produk-produk dan perkhidmatan organisasi-organisasi ini. Pelanggan boleh pada bila-bila masa membatalkan persetujuan untuk pemasaran terus produk-produk atau perkhidmatan tersebut dengan memberikan notis bertulis kepada Bank.
- 19.4 Pelanggan, jika sebuah syarikat atau badan berkanun atau entiti yang tidak diperbadankan, waran dan mewakili kepada Bank bahawa:-
- (i) ia telah mendapat kebenaran daripada pengarah, pengurus berkaitan, pegawai, pemegang jawatan, rakan kongsi dan pemegang saham untuk mendedahkan data peribadi mereka kepada Bank berkaitan dengan permohonan Pelanggan untuk Akaun dan Perkhidmatan;
 - (ii) mereka telah diberitahu, Bank menjalankan pemeriksaan kredit, mengumpul dan mengesahkan maklumat yang diberikan oleh mereka dengan pendaftar berkaitan, biro kredit dan agensi pelaporan kredit dan telah mendapat persetujuan mereka untuk agensi pelaporan kredit mendedahkan laporan/maklumat kredit kepada Bank untuk tujuan permohonan Akaun dan Perkhidmatan dan untuk pengurusan risiko dan kajian semula;
 - (iii) Bank boleh mendedahkan data peribadi mereka kepada kelas pihak ketiga yang dinyatakan dalam Polisi Privasi Bank;
 - (iv) Pelanggan telah memberitahu mereka untuk membaca Dasar Privasi Bank yang disiarkan dalam laman web Bank.

20. TERMA DAN SYARAT

- 20.1 Terma dan Syarat ini menggantikan semua terma dan syarat sebelum ini yang mengawal Akaun atau Perkhidmatan. Bank berhak untuk meminda dan/atau menggantikan Terma dan Syarat ini atau memperkenalkan terma baharu atau ciri tambahan atau produk atau perkhidmatan baharu dengan memberi notis bertulis tidak kurang daripada 21 hari kalendar kepada Pelanggan. Perubahan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis. Jika mana-mana Terma dan Syarat ini bercanggah dengan terma dan syarat pada borang permohonan, terma dan syarat pada borang tersebut adalah diguna pakai.

- 20.2 Jika Pelanggan terus mengendalikan Akaun atau menggunakan Perkhidmatan atau menggunakan ciri tambahan, produk dan perkhidmatan baharu selepas diberi notis, Pelanggan dianggap telah menerima perubahan tersebut.
- 20.3 Terma dan Syarat ini dicetak dalam bahasa Inggeris dan apa-apa bahasa yang ditetapkan oleh Bank. Terma dan Syarat ini boleh diperolehi atas permintaan daripada mana-mana cawangan Bank atau daripada laman web Bank atau melalui apa-apa saluran penyampaian seperti yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

21. HARI DAN MASA PERNIAGAAN

- 21.1 Hari Perniagaan, masa Bank dan terdapatnya Perkhidmatan yang disediakan boleh dipanjangkan atau diubah menurut keperluan perniagaan dan keperluan operasi Bank. Kadar keuntungan, kadar pertukaran, dan maklumat produk yang dinyatakan dalam laman web Bank atau media lain adalah sebagai panduan semata-mata. Kadar atau harga sebenar yang diguna pakai pada urus niaga tertentu hanya boleh ditentukan pada masa urus niaga itu dimasuki.

22. JAMINAN KE ATAS SUMBER DEPOSIT, AKTA PEMATUHAN CUKAI AKAUN ASING AMERIKA SYARIKAT ("FATCA") DAN PIAWAIAN LAPORAN UMUM ("CRS")

- 22.1 Akaun dan Perkhidmatan tersebut hendaklah tidak digunakan sebagai saluran kepada pengubahan wang haram dan pembiayaan keagasan dan Pelanggan hendaklah dengan serta-merta memberitahu Bank sekiranya Pelanggan mengesaki bahawa wang yang dikreditkan ke dalam Akaun tersebut adalah hasil dari aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang. Pelanggan hendaklah pada setiap masa mematuhi semua undang-undang dan peraturan (termasuk undang-undang dan peraturan pentadbiran pertukaran wang asing dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 dan undang-undang cukai) dalam bidangkuasa yang mengikat dan terpakai kepada Pelanggan.
- 22.2 Bagi pematuhan Bank dengan mana-mana undang-undang, peraturan atau arahan atau perintah pihak berkuasa yang berkaitan cukai, termasuk yang berkaitan dengan FATCA dan CRS (menjadi standard untuk Pertukaran Maklumat Akaun Kewangan Automatik dalam Perkara Cukai yang dibangunkan oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi) (secara kolektif, "Undang-undang cukai") Pelanggan:
- (a) hendaklah dengan segera membuat dan mendapatkan orang yang berkenaan ("Orang yang Berkenaan") untuk membuat pengakuan itu, menyediakan semua dokumen dan maklumat kepada Bank, dan memaklumkan Bank tentang sebarang perubahan; dan
 - (b) mengesahkan bahawa Pelanggan telah memperoleh persetujuan Individu yang Berkenaan bagi pendedahan oleh Bank mengenai maklumat Individu yang Berkenaan kepada mana-mana badan kawal selia, agensi kerajaan, pihak berkuasa cukai, polis, badan penguatkuasaan undang-undang dan mahkamah, di dalam dan di luar Malaysia, termasuk menurut FATCA dan CRS; dan
 - (c) Bersetuju bahawa Bank, menurut budi bicara mutlaknya boleh secara langsung menghendaki (tanpa melibatkan Pelanggan) mana-mana Orang yang Berkenaan untuk (i) memberi dan mengesahkan maklumat Orang yang Berkenaan; dan (ii) bersetuju ke atas sebarang pendedahan dan/atau mengetepikan sebarang sekatan yang dikenakan ke atas pendedahan;

Bank mempunyai hak untuk antara lain, memotong daripada atau menahan sebahagian daripada sebarang jumlah yang perlu dibayar oleh Bank sekiranya Pelanggan atau Orang yang Berkenaan tidak mematuhi peruntukan-peruntukan yang disebut di atas.

- 22.3 Bagi FATCA, Orang yang Berkenaan merujuk kepada "Penyetuju" bermaksud mana-mana individu termasuk Pelanggan, Pemilik Substansial, Pengawal, mana-mana orang yang

mempunyai kepentingan benefisial atau kepentingan kewangan dalam pembayaran dari Bank. "Pemilik Substansial" bermaksud (a) berkenaan perbadanan atau entiti, orang-orang tertentu yang secara langsung atau tidak langsung memiliki lebih daripada 25% daripada saham perbadanan itu (melalui undi atau nilai), (b) berkenaan dengan perkongsian, orang-orang tertentu yang secara langsung atau tidak langsung memiliki lebih daripada 25% daripada keuntungan atau kepentingan modal dalam perkongsian itu, dan (c) berkenaan dengan suatu amanah, orang-orang tertentu dianggap sebagai pemilik amanah itu atau dianggap sebagai memegang secara langsung atau tidak langsung lebih daripada 25% daripada kepentingan bermanfaat bagi amanah itu. "Pengawal" ertinya mana-mana individu yang menjalankan kuasa mutlak yang berkesan ke atas entiti atau amanah.

- 22.4 Bagi CRS, Orang yang Berkenaan merujuk Pelanggan dan/atau "Pengawal", yang bermaksud mana-mana orang semulajadi yang mempunyai kuasa ke atas orang yang sah atau pengaturan yang sah seperti koperasi, perkongsian, amanah atau yayasan. Bagi sebuah amanah, istilah ini bermaksud pembuat amanah, pemegang amanah, pelindung (jika ada), penerima atau golongan waris dan lain-lain orang semulajadi yang mempunyai kuasa mutlak ke atas amanah tersebut. Bagi pengaturan yang sah selain daripada amanah, istilah ini bermaksud orang-orang yang mempunyai posisi yang sama atau serupa. Istilah "Pengawal" harus ditafsirkan menggunakan cara yang konsisten dengan Financial Action Task Force. Sekiranya tiada sebarang orang semulajadi yang dikenalpasti mempunyai kuasa mutlak ke atas entiti tersebut melalui kepentingan pemilikan, orang semulajadi yang memegang jawatan kanan dianggap sebagai pengawal entiti tersebut.

22A. SEKATAN

22A.1 Tafsiran

Takrifan berikut hendaklah mempunyai makna berikut masing-masing dalam Klausula 22A ini:

"Afiliasi" bermaksud, sebuah syarikat yang berkaitan dengan Pelanggan termasuk "syarikat induk muktamad" seperti yang ditakrifkan di bawah Seksyen 5 dan Seksyen 7 Akta Syarikat 2016.

"Undang-undang Pencegahan Rasuah" bermaksud Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Akta Rasuah 2010 United Kingdom, Akta Amalan Rasuah Asing Amerika Syarikat 1977 dan mana-mana undang-undang, peraturan atau peraturan serupa yang dikeluarkan, ditadbir atau dikuatkuasakan oleh Malaysia, Amerika Syarikat, atau mana-mana bidang kuasa lain.

"Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram" bermaksud keperluan penyimpanan dan pelaporan rekod kewangan yang terpakai dan statut pengubahan wang haram di Malaysia dan setiap bidang kuasa di mana Pelanggan dan Ahli Gabungannya menjalankan perniagaan atau operasi, peraturan dan peraturan di bawahnya dan sebarang peraturan yang berkaitan atau serupa, peraturan atau garis panduan, dikeluarkan, ditadbir atau dikuatkuasakan oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau kawal selia atau prosiding oleh atau di hadapan mana-mana mahkamah.

terkawal" bermaksud apabila seseorang (sama ada secara langsung atau tidak langsung dan sama ada dengan modal syer, kuasa mengundi, kontrak atau sebaliknya) mempunyai kuasa untuk melantik dan/atau memecat majoriti ahli badan induk orang lain atau sebaliknya mengawal atau mempunyai kuasa untuk mengawal hal ehwal dan dasar orang lain itu dan orang lain itu dianggap "dikawal" oleh orang pertama.

"majoriti dimiliki" bermaksud pegangan secara benefisial atau sah lebih daripada 50 peratus modal saham terbitan (atau setara) atau hak mengundi orang tersebut (tidak termasuk mana-mana bahagian modal saham terbitan itu (atau setara) yang tidak

mempunyai hak untuk mengambil bahagian melebihi jumlah tertentu dalam pengagihan sama ada keuntungan atau modal).

“Orang Terhad” bermaksud, pada bila-bila masa:

- (a) mana-mana orang yang disenaraikan dalam mana-mana senarai berkaitan Sekatan bagi orang yang ditetapkan yang disenggarakan oleh Pihak Berkuasa Sekatan;
- (b) mana-mana orang yang beroperasi, berorganisasi, bermastautin, diperbadankan, berdaftar atau bermastautin secara sah di Negara Bersekatan; atau
- (c) mana-mana orang yang dikawal atau majoriti dimiliki oleh seseorang yang diterangkan dalam (a) atau (b) di atas.

“Negara yang Dikenakan” bermaksud, pada bila-bila masa, negara atau wilayah yang menjadi subjek atau sasaran mana-mana Sekatan menyeluruh atau seluruh negara atau seluruh wilayah, termasuk tetapi tidak terhad kepada Korea Utara, Iran, Syria, Cuba, wilayah Crimea Ukraine dan Israel.

“Sekatan” bermaksud sebarang sekatan perdagangan, ekonomi atau kewangan, embargo atau langkah sekatan atau undang-undang atau peraturan berkaitan yang digubal, dikenakan, ditadbir atau dikuatkuasakan dari semasa ke semasa oleh:

- (a) kerajaan Amerika Syarikat, termasuk yang ditadbir oleh Pejabat Kawalan Aset Asing Jabatan Perbendaharaan A.S. atau Jabatan Negara A.S.;
 - (b) Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu;
 - (c) Kesatuan Eropah dan mana-mana negara anggota Kesatuan Eropah;
 - (d) United Kingdom;
 - (e) Bank Negara Malaysia ; atau
 - (f) mana-mana pihak berkuasa kerajaan lain yang berkaitan (termasuk, untuk mengelakkan keraguan, pihak berkuasa kerajaan tersebut yang mempunyai bidang kuasa ke atas (i) Pelanggan dan/atau Bank (sama ada berdasarkan bidang kuasa pemerbadanannya atau tempat perdagangan, perniagaan atau aktiviti operasi lain) atau (ii) transaksi yang difikirkan oleh Terma dan Syarat ini),
- (setiap satu, "Pihak Berkuasa Sekatan").

22A.2 Perwakilan Sanksi dan Waranti oleh Pelanggan

Pelanggan dengan ini mewakili dan menjamin kepada Bank seperti berikut:

- (a) sama ada Pelanggan mahupun Ahli Gabungannya adalah Orang Terhad;
- (b) Perkhidmatan tidak boleh digunakan secara langsung atau tidak langsung untuk apa-apa tujuan yang akan melanggar mana-mana Sekatan atau yang akan membiayai, memudahkan atau membiayai sebarang aktiviti, perniagaan atau transaksi, atau dengan, mana-mana Orang Terhad atau mana-mana Negara Terhad atau digunakan untuk membiayai pembelian atau pemindahan mana-mana barangan atau peralatan ketenteraan;

(c) Pelanggan telah melaksanakan dan mengekalkan dasar dan prosedur yang akan memastikan pematuhan dengan representasi, waranti dan aku janji yang dinyatakan dalam Klausa 22A ini;

(d) Pelanggan dan Ahli Gabungannya tidak melanggar mana-mana undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan Sekatan.

22A.3 Pengamalan Sekatan oleh Pelanggan

Pelanggan dengan ini mengaku janji kepada Bank seperti berikut:

(a) Ia tidak boleh, sama ada secara langsung atau tidak langsung, melakukan sebarang transaksi dengan dana atau aset yang:

(i) membentuk harta, atau akan dimiliki secara benefisial oleh, mana-mana Orang Terhad; atau

(ii) ialah hasil langsung yang diperoleh daripada sebarang transaksi yang melanggar Sekatan yang dikenakan kepada mana-mana pihak di sini

(b) Ia akan menghantar dengan segera kepada Bank dan membenarkan Bank untuk mendapatkan butiran sebarang tuntutan, tindakan, saman, prosiding atau penyiasatan terhadapnya atau Ahli Gabungannya oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan, kehakiman atau kawal selia berkenaan dengan Sekatan setakat yang butiran sedemikian tersedia untuknya.

(c) Ia tidak akan (dan hendaklah memastikan bahawa setiap Ahli Gabungannya tidak akan) melanggar sebarang Sekatan dan tidak akan menjalankan atau terlibat dalam, secara langsung atau tidak langsung, sebarang transaksi, kelakuan, perdagangan, perniagaan atau aktiviti lain yang boleh mengakibatkan pelanggaran. daripada sebarang Sekatan.

(d) Ia tidak akan (dan hendaklah memastikan bahawa tiada seorang pun Ahli Gabungannya akan) secara langsung atau tidak langsung menggunakan, atau membenarkan atau membenarkan mana-mana orang lain untuk secara langsung atau tidak langsung menggunakan, semua atau mana-mana bahagian Perkhidmatan:

(i) untuk sebarang tujuan (secara langsung atau tidak langsung) yang akan melanggar mana-mana Sekatan atau yang akan membiayai, memudahkan atau membiayai apa-apa aktiviti, perniagaan atau urus niaga, atau dengan, mana-mana Orang Terhad atau mana-mana Negara yang Dikenakan atau yang akan melanggar mana-mana Pencegahan Rasuah Undang-undang, Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram atau undang-undang pembiayaan keganasan; atau

(ii) dalam apa-apa cara lain yang boleh mengakibatkan Pelanggan atau Bank melanggar mana-mana Sekatan (jika dan setakat yang terpakai kepada salah satu daripada mereka) atau menjadi tertakluk kepada mana-mana Sekatan.

(e) Ia hendaklah (dan ia hendaklah memastikan bahawa setiap Ahli Gabungannya akan) menjalankan perniagaannya dan mengekalkan dasar dan prosedur yang akan memastikan pematuhan Undang-undang Pencegahan Rasuah dan Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram.

23. KEBERASINGAN DAN PENEPIAN

Sekiranya apa-apa peruntukan itu ditetapkan sebagai menyalahi undang-undang, dilarang, tidak boleh dikuatkuasakan atau tidak konsisten, dalam apa cara pun di sisi undang-undang atau prinsip-prinsip Syariah, peruntukan tersebut adalah tidak boleh dikuatkuasakan. Peruntukan Terma dan Syarat yang selebihnya tidak dipengaruhi. Apa-apa penepian atau keistimewaan yang diberikan tidak akan menghalang Bank daripada melaksanakan hak yang sama atau hak yang lain atau memerlukan Bank untuk memberikan keistimewaan selanjutnya. Hak atau pembetulan yang ditetapkan oleh undang-undang tidak dikecualikan oleh Terma dan Syarat ini.

24. UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL

Terma dan Syarat ini akan dikawal oleh undang-undang Malaysia. Pelanggan bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah Malaysia.

25. WARIS YANG MENGIKAT

Terma dan syarat utama ini akan mengikat Pelanggan, harta Pelanggan, wakil peribadi dan pengganti hak miliknya dan ke atas Bank, pengganti hak milik dan pemegang serah haknya. Pelanggan tidak boleh menyerahhakkan apa-apa haknya dan kepentingannya kepada Akaun atau Perkhidmatan. Kewajipan dan tanggungjawab Pelanggan diteruskan tanpa menyentuh apa-apa perubahan yang berlaku melalui penggabungan, pembentukan semula atau sebaliknya dalam pembentukan Bank.

BAHAGIAN 2 – Akaun-Akaun

BAHAGIAN 2A – TERMA AM UNTUK AKAUN-AKAUN DEPOSIT

1. AKAUN SEMASA-i/CEK

- (a) Cek tidak boleh ditunaikan di Bank melainkan helaian cek yang dibekalkan oleh Bank untuk Akaun.
- (b) Tiada perubahan dalam apa juga bentuk pun boleh dibuat pada cek. Bank berhak untuk tidak melayan cek dan memulangkan cek yang pada pandangan mutlak Bank mempunyai apa-apa bentuk perubahan sekalipun (sama ada ditandatangani balas oleh penunai cek atau selainnya), cek yang rosak atau mempunyai kesilapan teknikal, contohnya cek lewat tarikh, cek yang perkataan dan angkanya tidak selaras atau yang tulisannya tidak dapat dibaca.
- (c) Pelanggan tidak boleh menggunakan pensil atau pen berdakwat boleh padam bagi melengkapkan cek. Pelanggan bertanggungjawab kepada bank untuk tidak terlibat dalam penipuan atau pemalsuan. Bank tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan bagi sebarang kerugian yang ditanggung Pelanggan akibat kecuiaan Pelanggan atau akibat Pelanggan tidak menurut langkah berjaga-jaga dalam berurusan dengan cek. Langkah berjaga-jaga di atas tidak muktamad dan Pelanggan hendaklah berjaga-jaga dan berwaspada dalam mengurus cek dan menyenggarakan Akaun.
- (d) Pelanggan tidak boleh mengeluarkan lebih wang melainkan telah mengaturnya terlebih dahulu dengan Bank. Caj (sekiranya ada) atau yang dibenarkan oleh Bank Negara Malaysia bagi Akaun Semasa yang terlebih keluar hendaklah dibayar kepada Bank pada sela masa yang ditetapkan oleh Bank.
- (e) Bank berhak untuk tidak melayan apa-apa cek yang dikeluarkan oleh Pelanggan sekiranya dana di dalam Akaun pelanggan tidak mencukupi (“Cek Tak Laku”) Bank berhak untuk

menutup atau mengenakan sekatan/syarat bagi semua atau mana-mana Akaun sekiranya tidak dikendalikan dengan memuaskan atau telah disenaraikan di mana-mana biro kredit atau apa-apa organisasi atau perbadanan.

2. AKAUN SIMPANAN-i (Digunapakai untuk individu sahaja)

2.1 AKAUN SIMPANAN REMAJA-i

- (a) Bank mungkin mengenakan sekatan terhadap berapa kali wang boleh dikeluarkan atau jumlah wang yang boleh dikeluarkan dalam satu bulan kalendar atau setahun. Bank berhak untuk menukar Akaun itu kepada produk lain yang sesuai yang akan diputuskan oleh Bank, apabila pemegang akaun atau benefisiarinya melebihi had umur yang ditetapkan Bank bagi akaun simpanan remaja-i.

2.2 PELAN SIMPANAN

- (a) Pelanggan hendaklah mengekalkan baki minimum yang dinyatakan Bank dan mematuhi syarat-syarat lain bagi pelan simpanan. Jika Akaun ditutup sebelum tempoh minimum luput atau baki minimum tidak dikekalkan, Bank boleh menolak peratusan keuntungan yang telah dibayar daripada baki Akaun.

BAHAGIAN 2B – TERMA BERDASARKAN KONTRAK SHARIAH

1. AKAUN SEMASA-i/SIMPANAN-i QARD

- (a) Di bawah konsep Qard (pinjaman ihsan), deposit yang dibuat oleh Pelanggan ke dalam Akaun adalah pinjaman yang diberikan oleh Pelanggan kepada Bank. Bank sebagai peminjam harus membayar balik jumlah principal pinjaman tersebut apabila diminta oleh Pelanggan, sebagai pemberi pinjaman.
- (b) Pelanggan membenarkan Bank untuk menggunakan keseluruhan atau sebahagian daripada wang yang terdapat di dalam Akaun bagi tujuan yang patuh syariah dan dianggap sesuai oleh Bank.
- (c) Hadiyyah, jika ada, dibayar mengikut budi bicara Bank, dan akan dikreditkan setiap bulan pada kadar yang dianggap sesuai oleh Bank, dan dikira berdasarkan baki harian pada akhir setiap hari atau pada sebarang selang masa yang akan ditentukan oleh Bank. Bank mengikut budi bicara mutlaknyanya tidak memberi sebarang hadiyyah kecuali baki telah melebihi sebarang amaun minimum yang telah ditetapkan oleh Bank. Bank tidak terikat secara undang-undang untuk memberi hadiyyah kepada Pelanggan.

2. TRANSAKSI TAWARRUQ

- (a) Fasal 4.0 akan digunapakai apabila sesuatu produk menggunakan prinsip syariah Tawarruq melainkan jika ia dikecualikan secara khusus. Urusniaga Tawarruq akan dijalankan ke atas semua deposit ke Akaun pada masa yang ditetapkan pada hari ("Hari Urusniaga") OCBC Al-Amin dibuka untuk perniagaan perbankan di Kuala Lumpur dan platform perdagangan komoditi (seperti ditetapkan OCBC Al-Amin) dibuka untuk perdagangan komoditi seperti biasa. Di bawah prinsip Wakalah (agensi), Pelanggan melantik dan memberi kuasa kepada Bank sebagai Wakil (ejen) untuk memperoleh komoditi patuh Syariah ("Pemerolehan oleh Ejen-Bank") pada harga yang tertentu ("Harga Belian Pelanggan" yang digunapakai untuk produk) pada Hari Urusniaga, dan memberi kuasa kepada Bank untuk melaksanakan transaksi untuk dan bagi pihak Pelanggan sebagai pelaksanaan perlantikan Wakalah termasuk urusan sub-ejen, tertakluk kepada budi bicara mutlak Wakil.
- (b) Komoditi merujuk kepada minyak sawit mentah ("MSM") atau lain-lain komoditi bukan Ribawi dan patuh syariah yang ditentukan oleh OCBC Al-Amin. Pelanggan dengan ini mengakui

bahawa Bank tidak akan menanggung sebarang liabiliti dengan Pelanggan jika Perolehan oleh Ejen-Bank tidak dapat dilakukan pada tarikh yang dicadangkan jika perdagangan komoditi tersebut tidak dilaksanakan atas sebarang sebab termasuk ketiadaan had dagangan. Jika Perolehan oleh Ejen-Bank tidak dilakukan pada tarikh yang dicadangkan, maka Bank, mengikut budi bicara mutlaknyanya boleh melaksanakan Perolehan oleh Ejen-Bank pada hari berikutnya, iaitu apabila urusanniaga komoditi boleh dilakukan.

- (c) Bank tidak bertanggungjawab untuk melakukan sebarang pembelian komoditi sehingga dan melainkan Harga Belian Pelanggan telah dibayar kepada Bank untuk Perolehan oleh Ejen-Bank. Pembayaran hendaklah dalam dana yang jelas dan boleh dipindahkan ke dalam akaun ("Akaun Berkaitan") seperti yang diperlukan bagi produk berkaitan atau seperti yang dipersetujui oleh Bank. Penerimaan Harga Belian Pelanggan adalah arahan Pelanggan untuk Perolehan oleh Ejen-Bank. Setelah membuat pemerolehan oleh Ejen-Bank, hakmilik komoditi akan segera berpindah kepada Pelanggan.
- (d) Komoditi ini boleh bercampur dengan lain-lain komoditi patuh-Shariah yang dibeli bagi pihak Bank atau bagi pihak lain. Pelanggan bersetuju menerima komoditi tersebut pada "keadaan sedia ada" seperti yang dibeli dan diagihkan oleh Bank dan bersetuju untuk memberi pengecualian ke atas opsyen kerosakan (Khiyar al-'Ayb) bagi sebarang kerosakan pada komoditi.
- (e) Pelanggan dan Bank mengakui bahawa perolehan komoditi oleh ejen-Bank boleh diserahkan secara fizikal. Pelanggan boleh memohon penyerahan komoditi secara fizikal dengan syarat Bank telah menerima permohonan tersebut semasa Bank menerima arahan dari pelanggan untuk perolehan oleh ejen-Bank dan pihak Bank telah menerima arahan dari pelanggan untuk perolehan oleh agen-Bank dan pihak Bank telah menerima bayaran Harga Belian Pelanggan. Jika Bank tidak menerima bayaran untuk penghantaran fizikal komoditi tersebut, maka Bank dibenarkan oleh Pelanggan untuk melupuskan komoditi tersebut pada masa dan mengikut cara yang dianggap sesuai oleh Bank, dan Pelanggan hendaklah membayar kepada Bank semua kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang ditanggung atau dialami oleh Bank akibat daripada pembelian komoditi di bawah mana-mana Pemerolehan oleh Ejen-Bank sebagai ejen Pelanggan atau akibat daripada kegagalan Pelanggan untuk mematuhi kewajipan Pelanggan untuk melaksanakan pembayaran komoditi kepada pembekal.
- (f) Jika pelanggan tidak membuat permohonan penyerahan komoditi secara fizikal, maka Pelanggan memberi kuasa dan melantik Bank sebagai Wakil (ejen) untuk menjual komoditi kepada mana-mana pihak termasuk kepada Bank sendiri apabila Pelanggan mempunyai milikan konstruktif (Qabd al-Hukmi) ke atas komoditi yang dibeli oleh Bank selaku ejen (Wakil) pelanggan pada harga ("Harga Belian Bank") pada jumlah yang bersamaan dengan Harga Belian Pelanggan serta jumlah tambahan ("Keuntungan"). Keuntungan akan dikira berdasarkan kadar ("Kadar Keuntungan") menurut terma dan syarat produk-produk yang relevan.
- (g) Bank menepikan semua yuran Wakalah yang Pelanggan sebaliknya perlu bayar kepada Bank kerana bertindak sebagai Wakil Pelanggan untuk transaksi Tawarruq.
- (h) Mengambil kira Bank bertindak sebagai ejen, pelanggan hendaklah melindungi Bank daripada sebarang tindakan, tuntutan, permintaan, kerugian, kehilangan, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung atau berlaku kepada Bank hasil ia bertindak selaku ejen (Wakil) Pelanggan.
- (i) Pelanggan mengakui bahawa Bank boleh bertindak sebagai ejen (Wakil) untuk pembelian dan penjualan komoditi, di mana setiap peranan, pemilikan komoditi dan kesimpulan transaksi Tawarruq akan didokumentasikan secara bertulis dan dibuktikan melalui dokumen yang mencukupi sebagaimana yang dipastikan terbaik oleh Bank menuruti keperluan Shariah. Semua dokumen yang hendaklah disenggarakan oleh Bank dalam tempoh yang sesuai. Pelanggan boleh memohon kepada Bank berkenaan butiran urusanniaga yang diselesaikan dengan memaklumkan kepada Bank secara bertulis.
- (j) Semua Kadar Keuntungan Harga Belian Bank adalah tertakluk pada perubahan mengikut

budi bicara mutlak pihak Bank dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Pelanggan. Notis adalah seperti Terma dan Syarat ini.

- (k) Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang keingkaran akibat bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, keganasan, epidemik, sekatan masuk, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau apa-apa kejadian di luar kawalan munasabah Bank.
- (l) Bank boleh, mengikut budi bicara tunggal mereka, dengan memberikan notis 21 hari mengubah atau menambah Terma dan Syarat ini; atau mengubah, menggantung atau menamatkan akaun dengan notis kepada entiti. Perubahan atau penambahan Terma dan Syarat ini atau perubahan, penggantungan atau penamatan akaun boleh dilakukan dengan meletakkan notis umum dalam mana-mana terbitan surat kabar nasional harian atau dengan memaparkan notis umum di mana-mana cawangan OCBC Bank (Malaysia) Berhad / OCBC Al-Amin Bank Berhad atau laman web masing-masing atau dengan memasukkan notis tersebut ke dalam penyata OCBC Al-Amin yang dihantar kepada pelanggan secara berkala dan notis tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh tidak kurang 21 hari dari tarikh notis.

2.1. AKAUN SEMASA-i/SIMPANAN-i TAWARRUQ

- (a) Harga Belian Pelanggan adalah deposit terkumpul di dalam Akaun Simpanan-i/Akaun Semasa-i:
 - i. Deposit baharu ke dalam Akaun dari tetapan masa untuk Hari Dagangan semalam sehingga tetapan masa bagi Hari Dagangan semasa, sekiranya Hari Dagangan semalam tidak jatuh pada hari terakhir di dalam bulan kalendar; atau
 - ii. Baki kredit di dalam Akaun pada Hari Dagangan semasa sehingga tetapan masa pada Hari Dagangan yang sama, sekiranya Hari Dagangan semalam adalah hari terakhir di dalam bulan kalendar
- (b) Tertakluk pada Fasal 4.0(e), Bank hendaklah membayar bahagian Keuntungan ("Keuntungan Tertunda") Harga Belian Bank kepada Pelanggan pada hari terakhir bulan kalendar atau (jika bukan hari terakhir bulan kalendar) hari Akaun Semasa-i/Simpanan-i ditutup ("Tarikh Penutupan Akaun") (mana-mana satu adalah "Tamat Tempoh"). Baki Harga Belian Bank akan dianggap dibayar oleh Bank melalui imbalan (Muqasah) dengan Harga Belian Pelanggan selepas selesai transaksi Tawarruq. Keuntungan adalah dikira mengikut formula berikut:

Harga Belian Pelanggan X Kadar Keuntungan Maksimum X T/365

Di mana,

T = Bilangan hari dari Hari Dagangan semasa sehingga hari terakhir dalam bulan kalendar, termasuk kedua-dua hari tersebut

Kadar Keuntungan Maksimum = KLIIR atau kadar yang ditetapkan untuk produk tertentu

KLIIR = Kadar Interbank Islamik sepertimana diterbitkan oleh BNM bagi Hari Dagangan

- (c) Pada hari terakhir bulan kalendar, jika tiada Tarikh Penutupan Akaun dalam bulan kalendar tersebut:
 - i. Bank boleh mengikut budi bicaranya memberi Hadiyyah kepada Pelanggan yang dikira berdasarkan yang berikut:

$$C = A - B$$

Di mana,

A = Keuntungan dikira pada kadar keuntungan yang dikenakan ke atas baki harian dalam Akaun Semasa-i untuk bulan kalendar (iaitu Keuntungan Bulanan)

B = agregat Keuntungan Tertunda untuk bulan kalendar
Jika $C >$ sifar, maka Hadiyyah adalah jumlah bersamaan C
Jika $C =$ atau $<$ sifar, maka Hadiyyah = 0

- ii. Pelanggan akan memberikan rebat (lbra ') ke atas agregat Keuntungan Tertunda untuk bulan kalendar apabila nilai "C" yang diperolehi daripada formula yang dinyatakan dalam Fasal 4.1(c)(i) mempunyai nilai yang negatif; rebat (lbra ') yang diberikan hendaklah diperolehi berdasarkan yang berikut:

$$\text{Rebat (lbra')} = C \times (-1)$$

(d) Pada Tarikh Penutupan Akaun:

- i. Bank boleh mengikut budi bicara mutlaknya memberi Hadiyyah kepada Pelanggan yang dikira berdasarkan yang berikut:

$$Z = X - Y$$

Di mana,

X = Keuntungan dikira pada kadar keuntungan yang dikenakan ke atas baki harian dalam akaun mulai hari pertama pada bulan kalendar dengan Tarikh Penutupan Akaun hingga hari sebelum Tarikh Penutupan Akaun (iaitu Keuntungan bulan penutupan akaun)

Y = agregat Keuntungan Tertunda untuk bulan kalendar mulai hari pertama pada bulan kalendar dengan Tarikh Penutupan Akaun hingga hari sebelum Tarikh Penutupan Akaun

Jika $Z >$ sifar, sifar, maka Hadiyyah adalah jumlah bersamaan Z

Jika $Z =$ atau $<$ sifar, maka Hadiyyah = 0

- ii. Pelanggan akan memberikan rebat (lbra ') ke atas agregat Keuntungan Tertunda untuk bulan kalendar apabila nilai "Z" yang diperolehi daripada formula yang dinyatakan dalam Fasal 4.1(d)(i) mempunyai nilai yang negatif; rebat (lbra ') yang diberikan hendaklah diperolehi berdasarkan yang berikut:

$$\text{Rebat (lbra')} = Z \times (-1)$$

Tanggungjawab Bank (jika berkaitan) untuk memberikan Hadiyyah kepada pelanggan akan dilaksanakan semasa pembayaran Hadiyyah pada (seperti berkenaan) hari terakhir bulan kalendar atau pada Hari Penutupan Akaun.

2.2 AKAUN PEMAJU PERUMAHAN-i ("HDA-i")

- (a) Prosedur Tawarruq untuk akaun semasa-i adalah diguna pakai ke atas HDA-i.
- (b) Pelanggan bersetuju bahawa HDA-i perlu dikendalikan dengan mematuhi Aturan dan Peraturan bagi kawalan dan pengaturan akaun tersebut di bawah undang-undang yang mentadbir pemaaju perumahan di Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak.
- (c) HDA-i adalah akaun semasa tanpa cek, iaitu tiada buku cek dikeluarkan oleh pihak Bank untuk HDA-i. Pelanggan hendaklah memastikan terdapat dana yang mencukupi dan telah dijelaskan dalam HDA-i untuk memenuhi semua permintaan dan tidak boleh melebihi had pengeluaran pada bila-bila masa.
- (d) Semua pengeluaran daripada HDA-i hendaklah disokong dengan surat dan dokumen seperti yang diperlukan oleh Aturan dan Peraturan berserta borang permohonan pengeluaran yang lengkap dan mematuhi had yang dikenakan dalam Aturan dan Peraturan.
- (e) Pelanggan boleh, dengan persetujuan bertulis daripada pihak berkuasa yang mengawal di bawah Aturan dan Peraturan yang diguna pakai:-
- i. mengeluarkan semua (lebih) wang di dalam HDA-i tanpa menutup HAD-i; atau

- ii. mengeluarkan semua wang dan menutup HDA-i.

2.3 AKAUN SIMPANAN TETAP-i TAWARRUQ

- (a) Produk ini adalah berdasarkan kepada prinsip shariah Tawarruq. Apabila peletakan deposit dibuat, Pelanggan dan Bank akan membuat persetujuan berkenaan Harga Belian Pelanggan, kadar di mana Keuntungan akan dikira, tempoh ("Tempoh") di mana pada akhirnya ("tarikh matang") Bank akan membayar Harga Belian Bank atau baki Harga Belian Bank.

- (b) Akaun Relevan ialah Akaun Semasa-i atau apa-apa akaun lain yang diselenggarakan oleh Bank (secara kolektif, "Akaun Pendebitan") atau dengan institusi kewangan lain. Pelanggan dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk mendebitkan Harga Belian Pelanggan daripada Akaun Pendebitan.

- (c) Keuntungan akan dikira berdasarkan formula berikut:

Keuntungan = Harga Belian Pelanggan x Kadar Keuntungan x D / N

Di mana

D ialah bilangan hari dalam Tempoh

N ialah 365

- (d) Pelanggan boleh, pada bila-bila masa sepanjang Tempoh, meminta penyelesaian awal Harga Belian Bank dengan penuh. Dalam keadaan sedemikian, sebagai pertimbangan bagi pihak Bank yang membuat penyelesaian awal Harga Belian Bank, Pelanggan bersetuju untuk memberikan rebat (ibra') keatas Harga Belian Bank seperti berikut:

- i. Jika penyelesaian awal dibuat apabila melengkap atau sebelum melengkap tiga (3) bulan (atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang diberitahu oleh Bank kepada Pelanggan) bermula dari masa pembayaran Harga Belian Pelanggan, rebat adalah bersamaan dengan Keuntungan;

- ii. Jika penyelesaian awal dibuat setelah melengkap lebih tiga (3) bulan (atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang diberitahu oleh Bank kepada Pelanggan) bermula dari masa pembayaran Harga Belian Pelanggan:

- A. Rebate oleh Pelanggan perbankan peribadi Simpanan Tetap-i akan diperolehi berdasarkan formula berikut:

$$\text{Rebat} = 1/2(\text{Keuntungan} \times C/T) + [\text{Keuntungan} \times (T-C)/T]$$

Di mana,

C = Bilangan bulan lengkap dalam Tempoh sebelum penyelesaian awal Harga Belian Bank

T = Bilangan bulan dalam Tempoh

- B. Rebate oleh Pelanggan perbankan bukan-peribadi Simpanan Tetap-i hendaklah bersamaan dengan separuh daripada Keuntungan.

- iii. Bagi deposit baharu atau pembaharuan semula yang dibuat pada atau selepas 5 Mac 2018, rebat oleh Pelanggan bagi penyelesaian awal yang dibuat adalah bersamaan dengan jumlah Keuntungan keseluruhan. Penyelesaian awal bagi sebahagian Harga Belian Bank ("Separa Penyelesaian Awal") untuk perbankan peribadi adalah dibenarkan, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (i) Amaun penyelesaian dalam gandaan Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) atau amaun yang diberitahu oleh Bank kepada Pelanggan mengikut Terma dan Syarat ini. Harga

- Belian Bank/ baki Harga Belian Bank akan turut dikurangkan atas setiap Separa Penyelesaian Awal yang dibuat.
- (ii) Sekiranya baki selepas Separa Penyelesaian Awal lebih rendah daripada baki minimum Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) setiap resit, ia akan dianggap sebagai penyelesaian penuh Simpanan Tetap-i. Pelanggan akan memberi rebat untuk keseluruhan keuntungan dari Harga Belian Bank/ baki Harga Belian Bank;
 - (iii) Pelanggan harus memberikan rebat terhadap semua keuntungan dari jumlah Separa Penyelesaian Awal dan Harga Belian Bank/ baki Harga Belian Bank akan turut dikurangkan dengan rebat. Sekiranya keuntungan telah dibayar oleh Bank, pelanggan bersetuju bahawa Bank boleh menolak rebat dari jumlah Separa Penyelesaian Awal oleh Pelanggan.
 - (iv) Rebate (Ibra') oleh Pelanggan untuk Harga Belian Bank berdasarkan formula dibawah:
$$\text{Ibra}' = \text{Amaun Separa Penyelesaian Awal} \times \text{Kadar Keuntungan (\% setahun)} \times \text{Bilangan hari dari tempoh asal} / 365$$
 - (v) Penyelesaian sebahagian hanya boleh dilaksanakan di kaunter cawangan Bank, kecuali yang sebaliknya dipersetujui oleh Bank secara bertulis.
 - (vi) Separa Penyelesaian Awal sebahagian hanya boleh dibenarkan untuk deposit yang bertempoh selama 2 bulan dan ke atas, kecuali yang sebaliknya dipersetujui oleh Bank secara bertulis.

Sekiranya Keuntungan Akaun Simpanan-i perbankan bukan-peribadi dibayar secara ansuran berkala seperti ansuran bulanan, rebat untuk penyelesaian awal yang dinyatakan di atas tidak akan diguna pakai tetapi sebaliknya, rebat hendaklah bersamaan dengan jumlah Keuntungan.

- (e) Apabila rebat harus dibayar oleh Pelanggan, Harga Belian Bank (atau baki Harga Belian Bank) yang perlu dibayar kepada Pelanggan semasa penyelesaian awal hendaklah dikurangkan dengan rebat ("Baki Bersih Harga Belian Bank "). Untuk penjelasan, apabila Keuntungan dibayar secara ansuran berkala seperti ansuran bulanan, baki Harga Belian Bank dibayar kepada Pelanggan semasa penyelesaian awal hendaklah bersamaan Harga Belian Bank Bersih ditolak semua Keuntungan yang telahpun dibayar (dan yang belum ditolak oleh Bank semasa sebarang Penyelesaian Awal Separa) sehingga tarikh penyelesaian awal.
- (f) Untuk penyelesaian awal, Pelanggan perlu membayar semua yuran pegangan, pengendalian dan pembrokeran (secara kolektif, "Caj") yang telah dikenakan oleh mana-mana broker pihak ketiga untuk penjualan dan pembelian komoditi menurut murabahah komoditi. Bank berhak untuk menolak Caj tersebut daripada Harga Belian Bank sebelum membayar baki kepada Pelanggan.
- (g) Apabila Keuntungan dibayar secara ansuran berkala, Pelanggan mesti mengekalkan akaun semasa-i dengan Bank untuk pengkreditan ansuran Keuntungan. Jika atas apa-apa sebab ansuran Keuntungan tidak boleh dikreditkan kepada akaun semasa-i yang diselenggarakan oleh Bank, pembayaran Keuntungan secara ansuran akan terhenti dan kesemua baki Keuntungan akan dibayar bersama-sama sebagai sebahagian daripada baki Harga Belian Bank pada tarikh matang.
- (h) Bank berhak untuk mengenakan sebarang had ke atas jumlah dan terma deposit termasuk tetapi tidak terhad kepada had deposit minimum yang mungkin tertakluk pada perubahan menurut budi bicara mutlak Bank.
- (i) Pengeluaran deposit boleh dibuat hanya pada tarikh matang (kecuali pengeluaran awal melalui penyelesaian awal) dan di cawangan deposit dibuat. Jika tarikh matang jatuh bukan pada Hari Perniagaan, apa-apa arahan pembaharuan/pelupusan oleh Pelanggan akan dilaksanakan pada Hari Perniagaan yang berikutnya. Semua pengeluaran deposit hendaklah dibuat secara keseluruhan dan bukan dalam jumlah berasingan.
- (j) Pelanggan dikehendaki memberikan arahan yang jelas dan khusus secara bertulis berkenaan dengan pengeluaran dan pelupusan deposit. arahan tersebut hendaklah sampai kepada Bank tidak kurang daripada dua (2) Hari Perniagaan (atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank) sebelum tarikh matang.

- (k) Sekiranya tiada arahan pengeluaran/pelupusan, Bank tidak bertanggungjawab untuk memperbaharui jumlah prinsipal dan/atau jumlah keuntungan atau untuk memindahkan atau meremitekan jumlah wang yang telah matang kepada Pelanggan atau kepada mana-mana akaun di dalam atau di luar Bank sehingga arahan selanjutnya diberikan kepada Bank.

2.4 AKAUN DEPOSIT PERBENDAHARAAN JANGKA PENDEK ("STTD-i")

- (a) Produk ini adalah berdasarkan prinsip syariah Komoditi Murabahah atau Tawarruq.
- (b) STTD-i boleh dibuka, dan setiap peletakan berikutnya boleh dibuat di dalam amaun yang tidak kurang daripada deposit tunai minimum, seperti yang ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
- (c) Tempoh setiap peletakan ("Deposit") boleh dilakukan dalam lingkungan semalaman sehingga maksimum tiga (3) bulan mengikut kalendar atau tempoh lain yang ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa. Jumlah sesuatu Deposit ("Jumlah Deposit") adalah Harga Belian Pelanggan. (d) Jika Pelanggan tidak meminta penyerahan fizikal Aset, maka Pelanggan mempunyai pemilikan secara *hukmi* (Qabd al-Hukmi) berhubung Aset atas pembelian oleh Bank sebagai ejen (wakil) Pelanggan.
- (d) Kadar Keuntungan semasa yang ditawarkan untuk Deposit pada waktu tersebut boleh diperolehi di atas permintaan anda di mana-mana cawangan atau dari peniaga pasaran wang dari Bank dan kadar itu juga boleh dipaparkan di laman web Bank. Kadar ini mungkin akan turun atau naik setiap hari dan mungkin juga akan turun atau naik semasa urusan harian dan Bank tidak berkewajipan untuk memegang kadar tersebut.
- (e) Bank adalah ejen pengiraan yang menentukan Keuntungan yang perlu dibayar ke atas Deposit tersebut. Harga Belian Bank atau Harga Belian Murabahah akan dikira mengikut formula berikut dan perlu dibayar pada tarikh matang peletakan STTD-i:

$$\text{Harga Belian Murabahah} = A + (A \times r \times T)/D$$

Di mana,

A = Jumlah Deposit

r = Kadar Keuntungan

T = Bilangan hari dalam tempoh peletakan STTD-i (termasuk tarikh peletakan tetapi tidak termasuk tarikh matang)

D = 365, jika Deposit berada dalam Ringgit Malaysia atau mata wang asing; ATAU 360 jika Deposit adalah dalam Dolar Amerika Syarikat atau mata wang asing dengan konvensyen yang sama.

- (f) Pelanggan dengan ini bersetuju untuk memberikan rebat (ibra') ke atas Harga Pembelian Murabahah, jika Pelanggan meminta Harga Pembelian Murabahah dibayar sebelum tarikh matang. Rebate (ibra') hendaklah dikira mengikut formula di bawah:

Rebate (ibra') = Keuntungan yang perlu dibayar.

- (g) Penerimaan dan penerusan STTD-i adalah mengikut budi bicara Bank dan Bank tidak terikat untuk mendedahkan sebab untuk penolakan atau penangguhannya.

- (h) Pelanggan hendaklah membuka dan mengekalkan akaun semasa dengan Bank atau akaun lain yang boleh diterima oleh Bank untuk pembayaran semua atau mana-mana bahagian Harga Belian Murabahah.

3. AKAUN MATA WANG ASING-I

3.1. TERMA UMUM UNTUK AKAUN MATA WANG ASING-I

- (a) Terma ini digunapakai bagi kesemua akaun yang didenominasikan dalam mata wang asing. Prinsip Syariah bagi Bai' al-Sarf (pertukaran mata wang) diguna pakai atas semua AMWA-i. Bai' al-Sarf adalah kontrak pertukaran wang untuk wang antara Bank dan Pelanggan pada kadar pertukaran mata wang asing dan diurusniagakan pada lani (T+2 dianggap sebagai transaksi lani untuk AMWA-i). Bank dan Pelanggan (sama ada "penjual mata wang") akan menyerahkan kepada pihak lain ("pembeli mata wang") mata wang (dalam jumlah yang berdasarkan kadar tukaran asing) yang penjual telah berkontrak untuk menjual ("Jualan Mata Wang"). Semasa penghantaran oleh penjual mata wang, pembeli mata wang akan mengambil pemilikan dan dengan itu menanggung risiko pemilikan Mata Wang Jualan. Pemilikan mungkin bersifat fizikal atau konstruktif, termasuk penerimaan wang tunai, mengkreditkan ke dalam akaun, yang diterima oleh pembeli mata wang.
- (b) Apa-apa penghantaran wang Pelanggan dalam mata wang asing selepas termeterai kontrak Bai' al-Sarf, hendaklah menurut prinsip Syariah Ijarah Al-Khadamat (kontrak perkhidmatan).
- (c) Pelanggan akan mematuhi semua syarat yang berikut, had semalaman dan peraturan yang tertakluk kepada perubahan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa. Bank berhak untuk mengenakan apa-apa syarat dan/atau had semalaman lain untuk tujuan pengawalan dan pemantauan.
- (d) Bank boleh menolak atau membalikkan seluruhnya apa-apa deposit atau hasil sekiranya tiada apa-apa arahan yang jelas dan khusus diterima atau disebabkan oleh kemungkiran syarat atau had semalaman seperti yang dinyatakan (termasuklah yang disebabkan oleh pengkreditan keuntungan / hadiyah dan turun naik dalam kadar pertukaran).
- (e) Pelanggan dikehendaki memaklumkan kepada Bank tentang berikut dalam pengendalian FCA-i:-
- i. perubahan jumlah hasil eksport dalam kes pengeksport, perubahan syarat kelayakan yang menjejaskan had semalaman yang ditetapkan dan apa-apa kemungkiran syarat kelulusan dan/atau had semalaman yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia, dan
 - ii. sebelum membuat pengiriman sebarang kutipan kepada AMWA-i Pelanggan melalui pindahan telegrafik/mel/elektronik atau lain-lain.
- (f) Pengeluaran daripada mana-mana FCA-i dalam mata wang selain daripada mata wang yang digunakan dalam FCA-i hendaklah dilakukan pada kadar pertukaran yang akan ditentukan oleh Bank. Sebarang pengeluaran wang tunai yang dibenarkan oleh Bank mengikut budi bicara tunggalnya hendaklah mengikut prinsip Syariah Ijarah Al-Khadamat. Bank tidak berkewajipan untuk menerima deposit atau membenarkan pengeluaran dalam mata wang asing.
- (g) Bank boleh menerima apa-apa cek, draf, mel dan pemindahan bertelegraf, surat cara boleh niaga dan apa-apa jumlah wang yang kena dibayar kepada Pelanggan untuk pengkreditan FCA-i DENGAN SYARAT instrumen yang dinyatakan sebelum ini adalah boleh diterima oleh Bank. Hasil dalam apa-apa Ringgit Malaysia atau cek, draf atau surat cara boleh niaga dalam mata wang asing lain akan dikreditkan ke dalam FCA-i pada kadar pertukaran yang ditentukan oleh Bank.
- (h) Pembukaan dan pengendalian FCA-i juga tertakluk kepada amalan dan undang-undang perbankan di Malaysia, Notis Pertukaran Asing yang dikeluarkan menurut Seksyen 225 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, peraturan Persatuan Bank-Bank Islam di Malaysia dan kaedah dan peraturan badan kawal selia lain.

3.2. AKAUN MATA WANG ASING-i CALL QARD ('QFCCA-i')

- (a) QFCCA-i boleh dibuka dalam apa-apa mata wang lain selain Ringgit Malaysia, yang boleh diterima oleh Bank. Hadiyyah, jika ada dibayar mengikut budi bicara Bank, akan didepositkan secara bulanan mengikut kadar Bank dan akan dikira atas baki harian pada penghujung setiap hari atau selang masa lain seperti yang ditentukan oleh Bank. Bank boleh mengikut budi bicara tunggalnya untuk tidak membayar sebarang hadiyyah melainkan baki melebihi sebarang amaun minimum yang ditetapkan oleh Bank. Bank tidak terikat secara undang-undang untuk membayar sebarang hadiyyah kepada Pelanggan.
- (b) Transaksi antara bank atau pengeluaran lampau tidak dibenarkan bagi QFCCA-i.
- (c) Pengeluaran boleh dibuat dengan memberi notis tidak kurang dari 24 jam secara bertulis (atau dengan cara lain yang dibenarkan oleh Bank).

3.3 AKAUN SIMPANAN TETAP MATA WANG ASING-i ('FCTD-i')

- (a) Produk ini berdasarkan prinsip Syariah Tawarruq.
- (b) Semua terma dan syarat yang dinyatakan dalam Klausa [2.3] Akaun Simpanan Tetap-i Tawarruq hendaklah dipakai untuk FCTD-i kecuali rebat Pelanggan (ibra') atas Harga Belian Bank hendaklah setara dengan Keuntungan.
- (c) FCTD-i boleh dibuka dalam sebarang mata wang lain selain Ringgit Malaysia yang boleh diterima oleh Bank.

BAHAGIAN 3 – PERKHIDMATAN

BAHAGIAN 3A - TERMA UMUM BAGI PERKHIDMATAN ELEKTRONIK

1. KETERSEDIAAN PERKHIDMATAN ELEKTRONIK

- 1.1 Perkhidmatan Elektronik akan disediakan jika Pelanggan mematuhi prosedur dan terma yang dinyatakan oleh Bank berhubung dengan akses, peralatan/peranti yang diperlukan dan digunakan.
- 1.2 Ketersediaan Perkhidmatan Elektronik tersebut juga adalah tertakluk kepada masa, bayaran sebarang kos, yuran, komisen dan caj yang dinyatakan oleh Bank dari semasa ke semasa. Perkhidmatan Elektronik tersebut mungkin diubah, ditambah atau ditarik balik oleh Bank pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa.

2. ARAHAN

2.1 Akses kepada Perkhidmatan Elektronik diberikan kepada mana-mana orang yang telah memperkenalkan diri sebagai Pelanggan atau Pengguna yang Dibenarkan dengan menggunakan Kod Keselamatan, dan mematuhi arahan dan prosedur Bank berhubung penggunaan Kod Keselamatan tersebut. Pelanggan bertanggungjawab atas semua pindahan dana atau pertanyaan baki atau urusan niaga yang dilakukan sama ada dengan atau tanpa kebenaran atau pengetahuan Pelanggan. Bank mungkin bergantung pada dan bertindak atas arahan sedemikian yang diberikan dan mendebitkan Akaun Pelanggan berhubung dengan semua transaksi sedemikian termasuk apa-apa caj yang berkaitan.

2.2 Bank boleh (tetapi tidak mempunyai obligasi) tanpa liabiliti kepada Pelanggan atau sesiapa

atas kerugian, kerosakan, tuntutan atau kos:

- (a) menghendaki mana-mana orang yang mengakses atau menggunakan Perkhidmatan Elektronik untuk memperkenalkan diri mereka dengan cara alternatif (termasuk melalui tanda tangan atau secara peribadi atau panggilan telefon) dan/atau memberikan pengesahan bagi arahan sebelum Bank bertindak atas arahan sedemikian; dan/atau
- (b) enggan atau berhenti daripada melaksanakan apa-apa arahan, atau membalikkan sebarang tindakan yang telah dilaksanakan atau meletakkan syarat dalam melaksanakan sebarang arahan, atas dasar yang dianggap wajar oleh Bank;
- (c) mengubah, menarik balik, menggantung atau memadam Kod Keselamatan dan/atau Perkhidmatan Elektronik.

2.3 Sekiranya Bank membatalkan atau membalik semula sebarang arahan atau menerima sebarang arahan bersyarat, Pelanggan hendaklah membayar caj dan semua kos apabila diminta oleh Bank.

2.4 Apa-apa arahan yang diberikan atau diterima melalui Perkhidmatan Elektronik selepas tempoh masa yang berkaitan akan dianggap sebagai arahan yang diberikan dan diterima pada Hari Perniagaan yang berikutnya.

2.5 Pelanggan menanggung semua risiko berkaitan terhadap keselamatan, kerosakan, kelewatan atau kegagalan yang menjejaskan sebarang arahan atau transaksi, kesilapan penghantaran, kebolehan mengakses, masa rosak dan semua risiko yang berkaitan dengan atau berhubung dengan penggunaan Perkhidmatan Elektronik, kecuali risiko tersebut berpunca daripada kecuaiannya Bank. Pelanggan juga bertanggungjawab atas ketepatan semua arahnya.

2.6 Apa-apa arahan untuk pindahan dana adalah sebagai lengkap dan muktamad sebaik sahaja Bank berjaya melaksanakan arahan untuk mendebitkan Akaun Pelanggan dan mengkreditkan akaun benefisiari. Pelanggan hendaklah memaklumkan kepada benefisiari mengenai pemindahan dana tersebut olehnya. Pemindahan dana kepada mana-mana akaun selain daripada Akaun Pelanggan adalah tertakluk kepada jumlah maksimum sehari yang mungkin ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

3. TANGGUNGJAWAB PELANGGAN

3.1 Pelanggan akan menjaga keselamatan Perkhidmatan Elektronik, Kod Keselamatan dan Kad dengan:-

- (a) memastikan tidak ada penggunaan Kad, Kod Keselamatan atau Perkhidmatan Elektronik yang tidak dibenarkan dengan membentuk dan mengamalkan sistem keselamatan yang mencukupi dan prosedur bagi memantau penggunaan atau akses kepada Perkhidmatan Elektronik yang dilaksanakan melalui Kad, peralatan atau peranti di bawah kawalan Pelanggan;
- (b) memastikan Kod Keselamatan adalah rahsia pada setiap masa dengan tidak menulis atau mendedah atau membolehkan sesiapa mengakses atau menggunakan Kos Keselamatan tersebut (termasuk kakitangan Bank); dan sering menukar Kos Keselamatan dan menghapuskan sebarang pemberitahuan yang mungkin mengandungi Kos Keselamatan itu selepas membacanya;
- (c) memberitahu Bank dengan segera di nombor telefon yang telah diberikan oleh Bank sekiranya Pelanggan mengetahui atau mengesyaki atau mempercayai bahawa mana-mana Kad, peralatan atau peranti hilang atau dicuri atau terjejas; atau keselamatan atau kerahsiaan Kod Keselamatan terdedah, tersalah letak, terjejas, hilang, dirosakkan atau dicuri. Notis secara lisan hendaklah diikuti dengan notis secara bertulis dalam masa 24 jam, disokong dengan satu salinan laporan polis seperti yang dikehendaki oleh Bank.

- (d) memastikan bahawa Pengguna yang Dibenarkan memahami dan mematuhi Terma dan Syarat bagi penggunaan Kod Keselamatan dan Peralatan Elektronik dan hendaklah memberitahu Bank dengan segera sekiranya Pengguna yang Dibenarkan tidak lagi dibenarkan menggunakan Perkhidmatan Elektronik;
- (e) Sekiranya telefon yang mempunyai perakam kata laluan tekan kunci atau peranti lain dipasang, hendaklah memadam nombor yang berkaitan dengan urus niaga selepas arahan dikeluarkan; dan
- (f) dengan membaca dan memahami panduan pengguna bagi Perkhidmatan Elektronik sebelum cuba menggunakan Perkhidmatan Elektronik.

Pelanggan memahami dan bersetuju bahawa kegagalannya mematuhi syarat-syarat yang tersebut di atas boleh mendedahkan Pelanggan kepada kecurian dan/atau penggunaan Kod Keselamatan atau Perkhidmatan Elektronik secara tak sah, yang mana Bank tidak akan bertanggungjawab.

3.2 Semua Kod Keselamatan (tidak termasuk PIN) hendaklah dihantar oleh Bank kepada Pelanggan ke alamat yang didaftarkan dengan Bank atau boleh diambil sendiri oleh Pelanggan atau melalui wakilnya atau diberikan melalui telefon atau sebarang cara lain (untuk TPIN dan Kod Keselamatan lain). Pelanggan mengakui risiko yang timbul daripada cara penghantaran Kod Keselamatan, termasuk risiko Kod Keselamatan dipintas oleh pihak ketiga dan Pelanggan bersetuju dengan cara penghantaran dan risiko daripadanya dapat diterima oleh Pelanggan. Manakala untuk PIN, Pelanggan boleh menetapkan PIN melalui cara yang disediakan oleh Bank, termasuk membuat kehadiran peribadi di cawangan Bank dan menetapkan PIN dibantu oleh pegawai Bank. Pelanggan hendaklah mematuhi sebarang keperluan, peraturan dan prosedur yang mungkin dikenakan oleh Bank bagi pengeluaran, penghantaran dan pengambilan sebarang Kod Keselamatan. Bank berhak untuk mengeluarkan Kod Keselamatan yang berasingan kepada Pengguna yang Dibenarkan sekiranya terdapat lebih daripada seorang Pengguna yang Dibenarkan.

3.3 Semua kad (yang mempunyai jalur elektronik/cip/ciri keselamatan lain), token, sijil digital, kekunci elektronik dan peranti elektronik lain serta media yang mengandungi apa-apa Kod Keselamatan adalah dan hendaklah kekal menjadi hak milik eksklusif Bank. Pelanggan hendaklah memulangkan semua peralatan tersebut kepada Bank apabila diminta oleh Bank atau apabila penggunaan Perkhidmatan Elektronik ditamatkan.

3.4 Bank memberikan kepada Pelanggan lesen tak boleh pindah dan tak eksklusif untuk menggunakan Kod Keselamatan hanya untuk tujuan mengakses Perkhidmatan Elektronik. Pelanggan tidak boleh

- (i) merombak atau mengubah reka bentuk apa-apa Kod Keselamatan atau membenarkan tindakan yang sedemikian;
- (ii) Menyebabkan atau membolehkan sebarang Kod Keselamatan disalin, dikeluarkan, diubah suai, dipindahkan, diadaptasikan atau diterjemahkan. Bank boleh mengeluarkan Kod Keselamatan gantian kepada Pelanggan dengan mengenakan yuran atau caj yang ditetapkan oleh Bank.

3.5 Pelanggan hendaklah bertanggungjawab kepada Bank untuk semua amaun yang ditanggung atas penggunaan Perkhidmatan Elektronik, termasuk tetapi tidak terhad kepada yuran, caj, cukai dan cajoverdraif di mana berkaitan melalui penggunaan Kad, peralatan atau peranti di bawah kawalan Pelanggan.

3.6 Pelanggan hendaklah bertanggungjawab kepada Bank untuk transaksi yang tidak dibenarkan melalui Perkhidmatan Elektronik, sekiranya Pelanggan telah

- (a) melakukan penipuan, atau

- (b) gagal melaksanakan kewajipan yang dikenakan dalam klausa 3.1 di atas untuk menjaga keselamatan Perkhidmatan Elektronik, Kod Keselamatan, Kad, peralatan dan peranti, atau
- (c) menengguhkan untuk memberitahu Bank secepat mungkin secara wajar setelah mendapati kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran Kad, Kod Keselamatan, Perkhidmatan Elektronik, peralatan atau peranti Pelanggan, atau
- (d) secara sukarela mendedahkan mana-mana Kad atau Kod Keselamatan kepada individu lain, atau
- (e) mencatatkan Kod Keselamatan pada Kad, peralatan, peranti atau apa sahaja yang mungkin membolehkan atau memudahkan atau menyumbang kepada penggunaan Kad atau Perkhidmatan Elektronik tanpa kebenaran. Pelanggan tidak akan bertanggungjawab atas kerugian yang disebabkan oleh transaksi yang tidak sah yang dilakukan setelah Pelanggan memberitahu Bank mengikut Terma dan Syarat ini bahawa Kad, Kod Keselamatan atau Perkhidmatan Elektronik Pelanggan telah hilang, disalahgunakan, dicuri, terjejas atau dimungkir.

4. LIABILITI

4.1 Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerosakan, kerugian, kos dan perbelanjaan (sama ada secara langsung atau tidak langsung dan sama ada Bank telah mendapat notis atau tidak) yang mungkin ditanggung oleh atau dikenakan terhadap Pelanggan akibat atau berkaitan dengan:

- (i) penyalahgunaan atau kegagalan oleh Pelanggan untuk menggunakan Kod Keselamatan atau Perkhidmatan atau sebarang perisian/perkakasan/peralatan yang diperlukan untuk Perkhidmatan Elektronik dengan betul;
- (ii) kegagalan Pelanggan mengikut arahan, garis panduan dan prosedur terkini untuk mengguna, mengakses, memohon untuk, membeli, menjual apa-apa barangan (termasuk syer), produk dan perkhidmatan melalui Perkhidmatan Elektronik;
- (iii) semua pertikaian yang timbul daripada urusan niaga atas barangan (termasuk syer) atau perkhidmatan atau kemudahan bagi atau dengan mana-mana pihak ketiga;
- (iv) kerosakan, kecacatan atau kegagalan mana-mana rangkaian, terminal atau sebarang sistem pemprosesan data, komputer atau sistem telekomunikasi (secara kolektif, "Sistem"), sama ada mana-mana yang di atas dipunyai oleh atau dijalankan oleh Bank, melainkan jika kerosakan, kecacatan atau kegagalan adalah berpunca daripada kecuai Bank;
- (v) keadaan lain di luar kawalan Bank atau mana-mana Bank, institusi kewangan atau institusi kad atau sesiapa atau mana-mana organisasi yang terlibat dengan Sistem tersebut; dan
- (vi) sebarang kelewatan pembayaran, yang tidak disebabkan oleh kecuai melampau Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada tidak menghantar atau salah penghantaran apa-apa bahan atau notis atau produk, barangan (termasuk syer) atau perkhidmatan mana-mana individu.

4.2 Bank akan mengambil usaha yang munasabah untuk membetulkan apa-apa kecacatan, kerosakan atau kegagalan mana-mana daripada sistem di bawah kawalan Bank untuk memulihkan Perkhidmatan Elektronik yang terjejas untuk mengurangkan akibat buruk yang timbul daripada kecacatan, kerosakan atau kegagalan itu.

5. KETETAPAN PERTIKAIAN (DIGUNA PAKAI KEPADA INDIVIDU SAHAJA)

- 5.1 **Klausa 5** ini hanya diguna pakai untuk Pelanggan individu. Sebaik sahaja menerima apa-apa aduan yang dilaporkan oleh Pelanggan, Bank akan memberi maklumbalas dalam tempoh 14 hari (atau dalam tempoh masa seperti yang mungkin dimaklumkan oleh Bank kepada Pelanggan) dari tarikh penerimaan aduan itu. Sekiranya Bank gagal melayan aduan Pelanggan dalam tempoh 14 hari, Bank akan memaklumkan kepada Pelanggan secara bertulis bagi melanjutkan tempoh masa untuk menjawab aduan tersebut. Pelanggan boleh merayu kepada pengurusan kanan Bank atau Ombudsman Perkhidmatan Kewangan, sekiranya Pelanggan tidak berpuas hati dengan jawapan aduannya itu.
- 5.2 Surat aduan mesti dihantar ke alamat berikut atau pelanggan boleh menelefon nombor di bawah atau alamat atau nombor perhubungan lain seperti yang Bank mungkin maklumkan kepada Pelanggan:

A. Untuk pelanggan perbankan pengguna

Service Transformation Department,
OCBC Bank (Malaysia) Berhad,
Menara OCBC,
No. 18, Jalan Tun Perak,
50050 Kuala Lumpur, Malaysia.

No. Telefon: 03-8317 5000 (Untuk pelanggan perbankan pengguna OCBC Bank)
No. Telefon: 03-8314 9310 (Untuk pelanggan perbankan pengguna OCBC AI-Amin)

B. Untuk pelanggan perbankan perniagaan

No. Telefon: 03-8317 5200 atau 1-300 88 7000 (Untuk pelanggan perniagaan & perbankan korporat OCBC Bank)

No. Telefon: 1-300 88 0255 (Untuk pelanggan perniagaan & perbankan korporat OCBC AI-Amin)

- 5.3 Pelanggan yang ingin menimbulkan sebarang pertikaian dikehendaki untuk memberi butiran tertentu yang diperlukan, termasuk dan tidak terhad kepada nama Pelanggan, Akaun yang terjejas, tarikh transaksi yang dipertikaikan, amaun transaksi yang dipertikaikan dan sebab Pelanggan mempercayai bahawa ia adalah transaksi yang dipertikaikan. Semua pertikaian akan disiasat oleh Bank. Setelah tamatnya penyiasatan, Bank boleh mengkredit atau mendebit daripada Akaun yang berkenaan atau membuat penyesuaian yang diperlukan daripada amaun yang harus dibayar atau perlu dibayar antara Bank dan Pelanggan dan ditunjukkan dalam penyata atau rekod bulan berikutnya. Jika pembayaran telah dibuat untuk sebarang pertikaian, yang kemudiannya didapati palsu, pembayaran tersebut hendaklah dibayar balik kepada Bank dan semua perbelanjaan yang dikeluarkan untuk penyiasatan dan mendapatkan bayaran tersebut hendaklah ditanggung oleh pihak yang membuat pertikaian palsu. Selain itu, laporan polis akan dibuat terhadap semua pertikaian palsu.

BAHAGIAN 3B – PERKHIDMATAN ELEKTRONIK KHUSUS

1. PERKHIDMATAN DEPOSIT CEK

Pendepositan apa-apa cek di Mesin Deposit Pengimbas Cek Bank hendaklah dibuat mengikut cara yang ditetapkan oleh Bank. Bank boleh, tetapi tidak berkewajipan untuk, menerima apa-apa cek untuk kutipan. Sekiranya terdapat apa-apa cek yang tidak diterima oleh Bank, Bank akan memaklumkan kepada Pelanggan dan cek akan dipos kepada Pelanggan atas risiko dan kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan.

2. MESIN TELER AUTOMATIK

Pelanggan boleh melakukan apa-apa urusan niaga yang dibenarkan oleh ATM. Perkhidmatan yang disediakan di ATM pada masa sedemikian dan tertakluk kepada arahan lain atau pemberitahuan seperti yang mungkin ditentukan dari semasa ke semasa oleh Bank. Sekiranya Pelanggan menggunakan ATM milik institusi lain, penggunaan tersebut juga tertakluk pada terma dan syarat yang ditetapkan oleh institusi berkenaan. Sebarang permohonan untuk memindahkan dana melalui ATM hendaklah dianggap sebagai telah lengkap sebaik sahaja transaksi berjaya diterima. Akaun yang berkaitan akan didebitkan dan akaun benefisiari akan dikreditkan serentak. Untuk pembayaran bil melalui JomPAY, transaksi ini juga tertakluk pada Terma "JomPAY Standard Payer" yang mengikat secara sah antara Bank dan Pelanggan, yang mengandungi terma dan syarat yang dikenakan oleh PayNet serta Bank. Sila layari pautan ini untuk mendapatkan teks penuh Terma "JomPAY Standard Payer" [di sini](#)

3. ATM TUNAI MASUK

Apa-apa wang tunai yang didepositkan melalui ATM Tunai Masuk Bank akan dilakukan menurut cara yang dinyatakan oleh Bank. ATM Tunai Masuk akan mengeluarkan resit untuk wang tunai yang dimasukkan. Akaun yang berkaitan akan dikreditkan dengan wang tunai yang didepositkan sebaik sahaja disahkan oleh Bank. Pelanggan hendaklah menyemak bahawa butiran urusan niaga yang dicetak pada slip adalah betul sebelum meninggalkan premis Bank atau Terminal Elektronik. Sekiranya terdapat apa-apa kesilapan, Pelanggan hendaklah melaporkan kepada Bank dengan segera.

4. PERKHIDMATAN PERBANKAN TELEFON

Arahan yang disampaikan melalui perkhidmatan Perbankan Telefon tidak boleh diubah, dipinda atau ditambah. Bank berhak untuk menolak atau bertindak atas apa-apa arahan termasuklah apa-apa arahan yang telah diubah, dipinda atau ditambah oleh Pelanggan. Bank boleh menelefon Pelanggan di nombor yang diberikan. Bank berhak untuk merakam semua arahan dan perbualan telefon. Rakaman tersebut akan menjadi harta Bank dan akan menjadi bukti muktamad bagi arahan yang telah diberikan.

5. PERKHIDMATAN PEMBERITAHUAN MAKLUMAN

- 5.1. Bank mungkin menyediakan Perkhidmatan Pemberitahuan Makluman melalui mel elektronik, faksimile, khidmat pesanan ringkas (SMS) atau media lain yang dianggap wajar oleh Bank. Pelanggan mengakui dan bersetuju untuk menerima risiko yang berkaitan dengan cara penghantaran pemberitahuan tersebut, termasuk risiko pemintasan yang tidak dibenarkan oleh pihak ketiga dan pendedahan maklumat pelanggan. Perkhidmatan Pemberitahuan Makluman mungkin melibatkan produk, barangan, perkhidmatan dan/atau kemudahan Bank.
- 5.2. Pemberitahuan disifatkan sebagai telah dihantar kepada Pelanggan semasa penghantaran atau transmisi pemberitahuan ke butiran hubungan yang telah diberikan oleh Pelanggan. Semua rujukan masa/tarikh dalam sebarang pemberitahuan adalah dalam waktu Malaysia melainkan dinyatakan sebaliknya oleh Bank.
- 5.3. Perkhidmatan Pemberitahuan Makluman hanya bertujuan untuk membantu Pelanggan tetapi tidak membebaskan atau melepaskan Pelanggan daripada tanggungjawab dan kewajibannya berhubung dengan semua transaksi dan aktiviti atas Akaun dan Perkhidmatannya. Tidak menerima makluman bukanlah alasan untuk tidak memenuhi tanggungjawab dan kewajiban

Pelanggan, termasuk tetapi tidak terbatas pada memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi dalam Akaun sebelum melakukan pemindahan dana daripada Akaun tersebut. Pelanggan tidak boleh berkomunikasi dengan Bank melalui nombor hubungan pengirim, alamat atau butir-butir lain, jika ada, yang ditunjukkan dalam sebarang pemberitahuan. Sebaliknya, Pelanggan hendaklah berkomunikasi dengan Bank melalui cara yang ditentukan dalam terma dan syarat ini.

BAHAGIAN 3C - PERKHIDMATAN LAIN

1. AKAUN SEMASA-i AUTO-SWEEP (UNTUK INDIVIDU SAHAJA)

- 1.1 Perkhidmatan ini disediakan untuk individu sahaja. Bank akan menawarkan kepada pelanggan individu Kemudahan Auto-sweep bagi jenis akaun yang khusus tertakluk kepada caj Bank dan terma dan syarat.
- 1.2 Fungsi Auto-sweep bagi pindahan dana antara Akaun adalah **SEHALA** sahaja, misalnya dari Akaun Simpanan-i Pelanggan ke Akaun Semasa-i. Pindahan balik automatik tidak boleh dilakukan bagi apa-apa dana dari Akaun Semasa-i Pelanggan ke Akaun Simpanan-i.
- 1.3 Bank tidak akan menerima sebarang deposit atau pengeluaran atau mengaktifkan Auto-sweep apabila berlaku kerosakan atau kegagalan pada sistem computer dalam talian yang menjejaskan cawangan/cawangan-cawangan Bank sama ada kerosakan atau kegagalan itu adalah sepenuhnya atau sebahagian. Bank tidak mempunyai obligasi untuk memaklumkan kepada Pelanggan tentang ketidakupayaannya untuk mengaktifkan fungsi Auto-sweep apabila cek yang dikeluarkan oleh Pelanggan dikemukakan untuk bayaran di kaunter pada masa sistem komputer dalam talian Bank gagal berfungsi.
- 1.4 Pelanggan tidak boleh menyebabkan Bank bertanggungjawab atas sebarang kerugian, kecederaan, kerosakan atau keaiban yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan daripada cek yang tidak dilayan yang disebabkan oleh dana yang tidak mencukupi dalam Akaun Semasa-i Pelanggan akibat urus niaga ATM dan/atau perkhidmatan elektronik lain yang dilaksanakan oleh Pelanggan pada akhir hari di mana sistem komputer Bank sedang menjalani proses pengiraan harian.
- 1.5 Sekiranya Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i ditutup, Kemudahan Auto-sweep atau akan juga ditamatkan. Bank juga boleh menamatkan Kemudahan Auto-sweep pada bila-bila masa dengan memberikan notis kepada Pelanggan.

2. STANDING INSTRUCTION (PERIODIC PAYMENT ORDER)

- 2.1 Pelanggan boleh mengeluarkan atau menamatkan Arahan Tetap secara bertulis (atau dengan apa-apa cara lain yang dibenarkan oleh Bank) kepada Bank. Sekiranya bayaran menurut Arahan Tetap tidak dapat dilakukan disebabkan oleh dana yang tidak mencukupi, Bank tidak akan melaksanakan bayaran bagi tarikh bayaran yang berkenaan. Pelanggan hendaklah mengatur cara lain untuk membuat bayaran tersebut. Bank boleh menamatkan Arahan Tetap untuk bayaran pada bila-bila masa selepas diberitahu oleh pembayar bahawa bayaran seterusnya tidak perlu dilakukan lagi.
- 2.2 Arahan Tetap untuk bayaran yang dibuat melalui Perintah Juruwang adalah tertakluk kepada terma dan syarat Bank sedia ada bagi pengiriman. Arahan Tetap tertakluk kepada rancangan antara Pelanggan dan Bank berkaitan dengan Akaun tersebut atau sebarang perkhidmatan per bankan yang diberi kepada Pelanggan.
- 2.3 Sebarang arahan untuk menamatkan bayaran berkala di bawah Arahan Tetap hendaklah dianggap sebagai arahan untuk menamatkan Arahan Tetap. Pengaktifan semula Arahan Tetap memerlukan pelaksanaan Arahan Tetap yang baharu. Apa-apa arahan untuk mengubah atau

menamatkan atau membatalkan Arahan Tetap hendaklah diberikan oleh Pelanggan sekurang-kurangnya dua minggu (atau seperti tempoh yang ditetapkan oleh Bank) sebelum tarikh bayaran.

- 2.4 Arahan Tetap akan terus berkuat kuasa sebagai perlindungan kepada Bank berhubung dengan bayaran yang dibuat dengan suci hati walaupun Pelanggan meninggal dunia atau Pelanggan mengalami kebangkrutan/penggulungan sehinggalah notis kematian atau kebangkrutan/penggulungan Pelanggan atau notis mengenai pembatalan Arahan Tetap diterima oleh Bank.
- 2.5 Arahan Tetap adalah tertakluk kepada caj yang dikenakan oleh Bank bagi setiap bayaran berkala. Caj ini tidak boleh dibayar balik walaupun arahan tidak dapat dilaksanakan atas sebab dana yang tidak mencukupi. Pelanggan perlu membayar bayaran pos dan duti setem serta pertukaran dalam negeri jika berkenaan.

3. PERKHIDMATAN iQ (Hanya untuk ahli)

- 3.1 Perkhidmatan ini disediakan kepada Pelanggan individu yang memenuhi kriteria berikut dan yang permohonan untuk menjadi ahli iQ ("Keahlian") telah diterima oleh Bank ("Ahli iQ"):

- (i) berusia antara 18 hingga 65 tahun; dan
- (ii) profesional atau bekerja sebagai eksekutif atau berjawatan pengurus atau ahli perniagaan sendiri atau pekerja korporat di bawah Skim Gaji Korporat iQ @work (bermaksud cadangan korporat yang telah diendorskan oleh syarikat-syarikat untuk membenarkan OCBC sebagai bank panelnya dalam pengkreditan gaji ke akaun kakitangan) ; dan
- (iii) kriteria lain yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa. Bank berhak untuk mengubah kriteria kelayakan atas budi bicara mutlaknya.

Bagi Keahlian bersama, salah seorang daripada pelanggan mestilah memenuhi kriteria di atas. Keahlian bersama tidak boleh melebihi tiga (3) pelanggan.

- 3.2 Manfaat Keahlian termasuk:

- (i) akaun semasa / akaun semasa-i dengan buku cek (jika berkenaan) ("Akaun iQ") atau akaun simpanan; dan
- (ii) kad untuk transaksi ATM (Kad ATM-i iQ); dan
- (iii) Pembayaran Auto iQ, di mana Ahli (yuran yang berkaitan perlu dibayar oleh Ahli) boleh memilih untuk mendeposit atau mengirim atau memindah sejumlah wang ke dalam Akaun iQ pada setiap bulan dan memberi kuasa kepada Bank untuk membayar bil-bil peribadi atau pembayaran utiliti, bayaran ansuran pembiayaan atau sebarang bayaran berkala atau berulang yang lain (secara kolektif, "Bil/Bayaran Lain") daripada Akaun iQ mengikut tarikh perlu dibayar melalui sistem GIRO Antara Bank ("GIRO") yang diuruskan oleh PayNet ("Paynet"); dan
- (iv) pengalaman perbankan akses mudah alih kepada Perkhidmatan Elektronik untuk transaksi perbankan dan akses kepada pasukan perkhidmatan mudah alih iQ (terpakai hanya untuk pelanggan iQ@work, iaitu penyelesaian perbankan tempat kerja yang menawarkan perkhidmatan perbankan dengan kemudahan pembukaan akaun di tempat kerja Pelanggan); dan
- (v) keistimewaan kewangan dan bukan kewangan yang dipakej oleh Bank dan syarikat-syarikat yang berkaitan untuk Ahli; dan
- (vi) keistimewaan yang ditawarkan oleh rakan niaga atau pedagang-pedagang serta manfaat dan perkhidmatan lain yang mungkin ditawarkan oleh Bank kepada Ahli dari semasa ke semasa.

Bank berhak untuk mengubah, menggantung, menarik balik atau menamatkan mana-mana atau semua perkhidmatan perbankan dan/atau keistimewaan dan perkhidmatan lain yang akan disediakan oleh Bank dari semasa ke semasa ("Perkhidmatan iQ") dengan memberi notis awal 21 hari kalendar sebelumnya. Ahli adalah terikat dengan terma dan syarat sedia ada berkenaan produk perbankan, perkhidmatan, pelaburan dan keistimewaan; di samping terma dan syarat yang terkandung di sini.

- 3.3 Untuk Akaun iQ bersama atau akaun simpanan-i bersama, salah seorang daripada pemegang akaun hendaklah menjadi pemegang akaun prinsipal ("Ahli Prinsipal") dan yang pemegang lain akaun adalah pemegang akaun tambahan ("Ahli Tambahan") untuk Akaun iQ bersama atau akaun simpanan bersama. Ahli Prinsipal akan diberikan Kad Debit-i iQ Prinsipal dan Ahli Tambahan akan diberikan Kad Debit-i iQ Tambahan setiap seorang. Setiap Ahli bersama akan diberikan kata laluan atau TPIN atau Kod Keselamatan lain yang berasingan untuk Perkhidmatan Elektronik. Bank boleh dengan permintaan bertulis daripada Ahli Prinsipal membenarkan Kad Debit-i iQ Prinsipal untuk mengakses akaun yang lain yang sedia ada dengan Bank. Kad Debit-i iQ Tambahan tidak akan mempunyai akses kepada mana-mana akaun sedia ada Ahli Prinsipal.
- 3.4 Ahli boleh menamatkan atau membatalkan Kad Debit-i iQnya dengan memberi notis bertulis kepada cawangan-cawangan Bank dengan melalui borang penamatan. Penamatan Kad Prinsipal Debit-i iQ oleh Ahli Prinsipal akan menamatkan Kad Debit iQ Tambahan dengan serta merta. Penamatan mana-mana Kad Debit-i iQ Tambahan oleh mana-mana Ahli bersama tidak menamatkan Kad Debit-i iQ Prinsipal dan Kad Debit-i iQ.
- 3.5 Penyata untuk Akaun iQ akan diberikan sebulan sekali atau mengikut kekerapan yang ditetapkan oleh Bank, eksklusif melalui internet pada hari kedua atau hari seterusnya setiap bulan seperti mana yang ditentukan oleh Bank melainkankan Akaun iQ tertentu yang merupakan akaun semasa atau akaun simpanan di mana Bank akan, dari semasa ke semasa, memutuskan bahawa penyata bercetak bulanan akan diberikan.
- 3.6 Bank berhak untuk mengenakan yuran dengan notis awal 21 hari kalendar kepada Ahli.
- 3.7 Bank berhak, mengikut budi bicara mutlak, menggantung atau menamatkan Akaun iQ atau akaun simpanan-i dan Kad Debit-i iQ atas sebarang sebab dengan memberi notis kepada Ahli.
- 3.8 Bank berhak, mengikut budi bicara mutlak, menggantung atau menamatkan Keahlian iQ dan semua akaun dan kad dikeluarkan di bawahnya jika:
 - (i) Ahli, atau dalam kes Ahli Bersama, mana-mana Ahli menutup semua akaun dengan Bank, termasuk Akaun iQ/akaun simpanan, dan membatalkan semua kemudahan dengan Bank; atau
 - (ii) Ahli menamatkan Kad Debit-i iQnya; atau
 - (iii) mana-mana atau semua kemudahan kredit / pembiayaan Ahli, atau dalam kes Ahli Bersama, mana-mana Ahli Bersama dengan Bank menjadi pinjaman / pembiayaan tidak dibayar, atau
 - (iv) Ahli Prinsipal meninggal dunia, diisytiharkan muflis atau bankrap; atau
 - (v) Ahli, atau dalam kes Ahli Bersama, mana-mana Ahli melanggar mana-mana terma dan syarat di sini atau mana-mana terma dan syarat sedia ada produk perbankan, perkhidmatan, pelaburan dan keistimewaan; atau
 - (vi) Ahli, atau dalam kes Ahli Bersama, mana-mana Ahli Bersama melanggar mana-mana perjanjian lain sama ada ia berkaitan dengan kemudahan kredit / pembiayaan dengan Kumpulan OCBC atau mana-mana institusi kewangan lain; atau
 - (vii) atas permintaan Ahli, atau mana-mana Ahli dalam kes Ahli Bersama.

- 3.9 Apabila Keahlian ditamatkan, dengan secepat mungkin yang praktikal, Bank akan membatalkan Kad Debit-i iQ, dan Akaun iQ atau akaun simpanan-i akan ditutup dan Pembayaran Auto iQ akan dihentikan.
- 3.10 Pihak Bank berhak, mengikut budi bicara tunggalnya, untuk menamatkan semua atau sebahagian daripada manfaat Ahli pada bila-bila masa, dengan notis awal 21 hari kalendar.
- 3.11 Terma dan Syarat tambahan Pembayaran Auto iQ:
- (i) Ahli perlu melengkapkan Arahan Pembayaran Bil/Bayaran Lain pada borang permohonan untuk mendaftarkan Bil/Bayaran Lain dengan Bank untuk membolehkan Bank membuat pembayaran. Penggunaan Pembayaran Auto iQ juga adalah tertakluk kepada terma dan syarat GIRO, Bil/Bayaran Lain, terma dan syarat PayNet dan penyedia perkhidmatan yang lain, dan peraturan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Bank, PayNet dan penyedia perkhidmatan yang lain. Ahli boleh mengakses Perkhidmatan Elektronik dengan sendiri untuk membuat sebarang transaksi perbankan (termasuk arahan pemindahan kepada Bank tanpa had, pindahan dana, bayaran bil) tanpa Pembayaran Auto iQ atau pembekal perkhidmatan yang lain disediakan untuk Ahli dengan membayar yuran berkenaan.
 - (ii) Caj perkhidmatan bulanan sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa akan dikenakan untuk langganan Pembayaran Auto iQ. Amaun tersebut akan didebit daripada Akaun iQ Ahli.
 - (iii) Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerugian yang disebabkan oleh sebarang kegagalan untuk menerima atau bertindak, atau untuk membuat pembayaran pada bila-bila masa atau tepat pada masanya, atau untuk sebarang kesilapan atau kelewatan atau keingkaran dalam apa jua bentuk dalam menerima dan bertindak atas sebarang arahan oleh Ahli untuk mendebit atau mengkredit sebarang amaun berhubung dengan atau menurut aturan GIRO atau mana-mana Bil/Bayaran Lain atau sebarang kegagalan untuk menamatkan mana-mana aturan GIRO yang sedia ada dengan mana-mana bank lain atau berhubung dengan sebarang tuntutan yang dibuat terhadap Bank oleh mana-mana pihak dengannya, kecuali kehilangan atau kerugian akibat kecuaiannya melampau atau keingkaran sengaja Bank.
 - (iv) Pada setiap masa dalam tempoh langganan Pembayaran Auto iQ, Ahli mesti memastikan bahawa jumlah amaun dalam Akaun iQ dan had kad kredit sedia ada dengan Bank adalah mencukupi untuk pembayaran Bil/Bayaran Lain dan bahawa Akaun iQ beliau dan/atau had kad kredit yang sedia ada dengan Bank tidak ditamatkan atau digantung perkhidmatannya. Jika Akaun iQ tidak mempunyai dana yang mencukupi atau had kad kredit sedia ada tidak mencukupi, Bank berhak, atas budi bicara mutlakannya, memilih untuk tidak membuat bayaran kepada semua atau mana-mana Bil/Bayaran Lain atau Bank berhak, atas budi bicara mutlakannya, menentukan susunan keutamaan bayaran Bil/Bayaran Lain. Dalam keadaan sedemikian, Ahli hendaklah bertanggungjawab untuk membuat bayaran bagi mana-mana Bil/Bayaran Lain yang belum dibayar.
 - (v) Pembayaran Auto iQ boleh ditamatkan oleh Bank mengikut budi bicara mutlakannya dengan notis awal 21 hari calendar, dan tanpa apa jua liabiliti kepada Ahli. Ahli boleh menamatkan langganan Pembayaran Auto iQ dengan memberi notis bertulis satu bulan terlebih dahulu kepada Bank. Bagi mengelakkan keraguan, penamatan Pembayaran Auto iQ tidak akan menamatkan Akaun iQ.